

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2023

**HARI RABU : 29 MAC 2023**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK LIM PAY HEN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah seterusnya mengenai cadangan yang diatitkan di bawah pelaksanaan usaha dekriminialisasi cubaan bunuh diri setelah persefahaman telah dicapai dalam mesyuarat Jemaah Menteri terakhir.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum pandemik COVID-19, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan pada tahun 2019 mendapati bahawa prevalen kemurungan dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas adalah 2.3% iaitu menghampiri 500,000 orang.
2. Semasa pandemik COVID-19 pula, didapati isu-isu yang berkait dengan kesihatan mental turut menunjukkan peningkatan dari segi panggilan yang diterima oleh Talian Bantuan Sokongan Psikososial Kementerian Kesihatan. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2021, jumlah panggilan yang diterima adalah 212,319 panggilan, iaitu peningkatan hampir 5 kali ganda berbanding dengan 44,061 panggilan pada tahun 2020.
3. Justeru, masalah berkaitan kesihatan mental bukan satu isu yang baru malah telah wujud sejak sekian lama di Malaysia. Kajian menunjukkan individu yang mengalami kemurungan berisiko 20 kali ganda mempunyai tingkah laku bunuh diri dan mengalami kematian akibat bunuh diri.

## NO SOALAN: 4

4. Oleh itu, adalah menjadi jelas bahawa isu percubaan membunuh diri ini perlu dikendalikan sebagai isu kesihatan awam (*public health issue*) dan bukannya sebagai suatu kesalahan jenayah. Pendekatan ini adalah juga selaras dengan kedudukan antarabangsa di mana menurut *International Classification of Disease* (ICD) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), percubaan bunuh diri diklasifikasikan sebagai satu penyakit dan dikodkan di bawah ICD-11 sebagai “MB23.R Percubaan Bunuh Diri” di mana seperti keterangannya adalah satu episod tingkah laku mencederakan diri yang dilakukan dengan niat yang penuh kesedaran untuk mengakhiri nyawa individu itu sendiri. Mereka yang cuba membunuh diri perlu dibawa ke hospital bagi mendapatkan penilaian lanjut dan diberi rawatan sewajarnya. Mereka tidak seharusnya disabitkan dengan jenayah kerana mereka berada dalam keadaan mental yang tidak stabil.

5. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menjalankan kajian secara mendalam berkaitan kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksan dan cadangan pemansuhan undang-undang ini. Kajian ini telah meneliti pendekatan yang diambil di beberapa negara bagi menilai justifikasi dan implikasi pelaksanaannya dari segi perundangan.

6. Susulan kajian tersebut, Kerajaan sedang memuktamadkan ketetapan dasar dan juga beberapa Rang Undang-Undang yang berkaitan dalam usaha ini. Sejak akhir bulan Disember 2022, saya selaku Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) telah mempengerusikan sebanyak sepuluh (10) sesi libat urus dan mesyuarat bersama pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi-agensi Kerajaan, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan

## **NO SOALAN: 4**

juga *Ministry of Home Affairs*, Singapore bagi meneliti dan menyelesaikan kesemua perkara-perkara perundangan yang berbangkit dalam usaha ini.

7. Sebagai langkah seterusnya, suatu Memorandum Jemaah Menteri berkenaan usaha ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat untuk kelulusan dan sejurus itu, kesemua Rang Undang-Undang berkenaan akan dibentangkan di Parlimen untuk pembahasan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai isu 30% penglibatan wanita dalam pembentukan dasar negara. Adakah angka ini telah tercapai di bawah pentadbiran Kerajaan baharu yang diterajui oleh Perdana Menteri telah mengambil cakna mengenai perkara ini.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sehingga 6 Mac 2023, penglibatan pegawai awam persekutuan wanita sebagai pembuat keputusan dan pembentukan dasar negara adalah sebanyak **38.71%** iaitu melebihi sasaran 30% yang disasarkan kerajaan.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN**  
**MOHAMAD**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai Harimau Asia dalam aspek ekonomi berteraskan Malaysia Madani.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia pernah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan hampir setara dengan ekonomi negara yang digelar Harimau Asia. Pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) negara dalam tempoh 1991-1996 berkembang pada kadar 9.6% setahun, antara pertumbuhan yang tertinggi di Asia. Walau bagaimanapun, Krisis Kewangan Asia dan beberapa krisis ekonomi dunia yang lain telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi Malaysia menyederhana. Pandemik COVID-19 juga turut memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 8.7% pada tahun 2022, berbanding 3.1% pada tahun 2021. Prestasi ekonomi yang baik ini menunjukkan pemulihan ekonomi yang berterusan dan mencerminkan daya tahan negara. Selain itu, terdapat juga beberapa indikator yang menunjukkan perkembangan positif. Antaranya, produktiviti buruh per pekerja telah berkembang sebanyak 3.6% pada suku keempat 2022, dengan nilai ditambah setiap pekerja sebanyak RM24,915. Semua sektor mencatatkan peningkatan dengan produktiviti buruh per pekerja tertinggi direkodkan dalam sektor pembinaan (10%), diikuti perlombongan dan pengkuarian (6.5%), perkhidmatan (4.0%), pembuatan (1.6%) dan pertanian (1.6%).

## NO SOALAN: 6

Pelaburan langsung asing (FDI) telah mencatatkan prestasi yang lebih tinggi, iaitu sebanyak RM73.3 bilion pada tahun 2022, berbanding RM48.1 bilion pada tahun 2021 dengan sumber utama FDI daripada Amerika syarikat, Singapura dan Jepun. Aliran masuk bersih FDI yang lebih tinggi ini disumbangkan, terutamanya oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Pada tahun 2023, pertumbuhan ekonomi negara dijangka berkembang sekitar 4.5% dengan mengambil kira risiko persekitaran luar yang lebih mencabar. Antara risiko luaran yang akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi adalah risiko ketidaktentuan geopolitik yang berpanjangan dan situasi kewangan global yang ketat. Bagi menangani cabaran ini, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, perlu menjadi lebih berdaya saing melalui peningkatan produktiviti pekerja dan sektor.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan Malaysia menjadi antara destinasi pilihan pelabur di Asia, tumpuan akan diberi kepada usaha mereformasi struktur ekonomi ke arah rantai nilai yang lebih tinggi. Ini bertujuan mengukuhkan pertumbuhan dan meningkatkan produktiviti dalam semua sektor, selaras dengan konsep Malaysia Madani. Penekanan juga akan diberi kepada sumber pertumbuhan baharu daripada sektor strategik yang dapat mempercepatkan kemasukan pelaburan baharu. Antaranya, industri yang berteknologi tinggi dan mengutamakan pendigitalan seperti elektrik dan elektronik, aeroangkasa dan pusat data. Sektor swasta, terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana akan terus dipacu sebagai rakan pembangunan dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi.

## **NO SOALAN: 6**

Selain itu, industri yang mementingkan alam sekitar seperti kereta elektrik dan tenaga boleh diperbaharui, termasuk tenaga solar dan teknologi bateri akan turut diberi perhatian. Kerajaan juga akan memberi penekanan kepada sumber pertumbuhan yang berpotensi seperti sektor berasaskan pertanian dan komoditi, terutamanya pertanian pintar dan biojisim serta sektor berkaitan pelancongan.

Pelbagai usaha terus dilaksanakan untuk memastikan pembangunan yang seimbang serta pengagihan yang lebih baik kepada semua rakyat. Antaranya, Kerajaan telah melancarkan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) pada 26 Februari 2023. Tiga inisiatif iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) telah diperkenalkan. Melalui inisiatif ini, aktiviti penjana pendapatan dibangunkan bersesuaian dengan keperluan membaiki struktur ekonomi Negara pada peringkat akar umbi. Selain itu, ekosistem yang mampan akan diwujudkan bagi memberi manfaat kepada 100,000 penerima daripada kumpulan isi rumah miskin tegar dan B40 pada tahun 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan terus meningkatkan usaha bagi memastikan Malaysia mencapai status negara maju berteraskan aspirasi Malaysia MADANI. Sebarang pembangunan negara yang memberi manfaat kepada rakyat dan komuniti perniagaan akan diteruskan. Tumpuan utama akan diberikan kepada pembangunan dalam bidang ekonomi, kewangan, perundangan, pendidikan, kemasyarakatan, kebudayaan, bandar dan luar bandar. Dasar baharu yang akan dirangka akan diselaraskan dengan beberapa dasar utama yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia, Bajet Tahunan, dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH**  
**SUFFIAN**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status terkini tuntutan hak milik Laut China Selatan, khususnya perairan Sabah dan Sarawak di peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN**

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN  
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri atas pertanyaan yang dikemukakan, dan juga tahniah kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu antarabangsa, terutamanya yang melibatkan Laut China Selatan.

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan adalah merupakan isu yang kompleks dan sensitif mengambil kira tuntutan-tuntutan bertindih antara negara-negara penuntut.

3. Dalam hal ini, Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan sebarang isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

## NO SOALAN: 7

4. Antara usaha serantau untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah memeterai, dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Selaras dengan persefahaman di bawah deklarasi ini, negara-negara ASEAN telah mengambil pendekatan, dengan izin, “*self-restraint*” dan memastikan tindakan-tindakan yang diambil serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Laut China Selatan, termasuklah di perairan Sabah dan Sarawak, tidak meningkatkan ketegangan di perairan tersebut.

5. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan, dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

6. Rundingan COC ini sedang dilaksanakan oleh negara-negara ASEAN dan China menerusi mekanisme, dengan izin, *ASEAN-China Joint Working Group on the Implementation of the DOC* (JWG-DOC), berdasarkan satu *Single Draft Negotiating Text COC* yang digunakan sebagai asas rundingan.

7. Terkini, Mesyuarat Ke-38 *ASEAN-China JWG-DOC* telah meneruskan rundingan bagi *Single Draft Negotiating Text COC* tersebut, dengan izin, dalam bacaan kedua di Jakarta, Indonesia pada 8 hingga 10 Mac 2023 yang lepas.

**NO SOALAN: 7**

8. Dalam melaksanakan rundingan COC ini, Malaysia sentiasa memastikan bahawa ianya akan dirundingkan dengan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI**  
**ATAN**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah terdapat sebarang pertimbangan untuk menaik taraf Taman Negara Johor Tanjung Piai bagi membolehkannya menjadi taman negara yang lebih mesra orang tua dan Orang Kurang Upaya (OKU) memandangkan jarak antara satu tarikan ke tarikan lain dalam taman negara ini agak jauh dan kurang sesuai untuk golongan ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menyedari kepentingan pasaran daripada segmen pelancong berkeperluan khas ini dan memberi perhatian serius terhadapnya selaras dengan visi Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Untuk makluman Yang Berhormat, tahap kebolehcapaian kepada fasiliti/produk pelancongan untuk orang kelainan upaya (OKU) merupakan suatu fokus berterusan bagi memastikan destinasi pelancongan, produk dan perkhidmatan boleh dikunjungi dan dinikmati oleh semua kategori pelancong tanpa mengira batasan fizikal, kecacatan atau usia.

2. Dalam memastikan kesemua destinasi pelancongan domestik adalah mesra OKU, setiap projek pembangunan dan penyelenggaraan adalah berpandukan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 melalui Seksyen 34A yang mewajibkan semua bangunan awam menyediakan akses bagi membolehkan OKU memasuki, keluar dan berada dalam bangunan dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk digunakan oleh OKU.

3. Kementerian sehingga kini telah memperuntukkan sebanyak RM5.05 juta bagi 21 buah projek fizikal kemudahan pelancongan dari tahun 2020 hingga 2022 di seluruh Negeri Johor bagi menyokong industri pelancongan di Negeri Johor. Berdasarkan jumlah tersebut, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM400,000.00 untuk Penyelenggaraan Kemudahan Asas di Taman Negara Johor Tanjung Piai, Pontian. Penyelenggaraan Kemudahan Asas ini juga telah mengambil kira keperluan orang tua dan OKU.

4. Selain daripada itu, Kementerian ini juga telah menerima permohonan di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4, RMKe-12) bagi Pembinaan Dataran Penghujung Benua Asia di Taman Negara Johor Tanjung Piai. Permohonan ini telah mengambil kira keperluan dan kepentingan para pelancong yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti warga emas dan OKU selaras dengan Dasar Orang Kurang Upaya yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Kemajuan Masyarakat. Permohonan ini sedang di dalam peringkat saringan oleh MOTAC dan akan disyorkan kepada pihak Kementerian Ekonomi bagi tujuan pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah tindakan, pelan dan aktiviti peringkat persekutuan yang telah diadakan oleh Kementerian dalam urusan mempromosikan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, dari Disember 2022 hingga kini. Jelaskan secara spesifik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai peneraju kepada agenda perpaduan negara, Kementerian Perpaduan Negara telah mula melaksanakan perancangan gerak kerja 2023 pada bulan Disember 2022 bagi menyemarakkan semangat perpaduan antara kaum.
2. Seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan **Kerangka Membangun Malaysia MADANI** melalui konsep **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** (Unity in Diversity) bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN). *Flagship* program yang diperkenalkan adalah **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** yang telah dilancarkan pada 1 Mac 2023 di Muzium Negara.
3. Semenjak bulan Disember 2022, pelbagai program telah dilaksanakan di peringkat persekutuan sehingga ke akar umbi yang bertujuan untuk mempromosi perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

4. Pelaksanaan program di bawah Kementerian Perpaduan Negara diperkukuhkan lagi dengan kemasukkan tiga (3) agensi baru iaitu:
  - a) Jabatan Muzium Malaysia (JMM)
  - b) Arkib Negara Malaysia (ANM)
  - c) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
  
5. Program-program yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi, NGO dan pihak swasta turut dilaksanakan bagi mempromosi perpaduan melalui kepelbagaian adat dan budaya.
  
6. Antara program telah diadakan adalah:

**Kementerian Perpaduan Negara**

- i. **Galeri UNITI** di Perak, Selangor dan Kuala Lumpur
- ii. **Semarak Perpaduan** di UTC Shah Alam, Selangor

**JPNIN**

- iii. Kembara Perpaduan: Gerak Kerja Pasca Banjir di Johor pada 10 Mac 2023
- iv. UNITI SISWA: Pertandingan Seni Warisan dan Silang Budaya SRN Universiti Tun Hussein Onn di Batu Pahat pada 23 Disember 2023
- v. **Kayuhan MAIPS Peduli Menyantuni Asnaf bersama Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamaluddin** dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis pada 9 Januari 2023

**MUZIUM**

- vi. Nostalgia Anak Kampung di Dataran Muzium Negara pada Disember 2022
- vii. Festival Kebudayaan Kelantan di Dataran Muzium Negara pada 24 hingga 26 Februari 2023
- viii. Pameran “Seniman Perak Sepanjang Zaman” di Muzium Perak pada Disember 2022 hingga 30 Jun 2023

**ARKIB**

- ix. Pameran Eksklusif Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 21 Mac hingga 31 Mei 2023;
- x. Pameran Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu di Dewan Pameran Warisan Eksklusif, Arkib Negara Malaysia pada 7 hingga 28 Feb 2023
- xi. Program Bicara Negarawan: Bapa Perpaduan Negara di Memorial Tun Hussein, Kuala Lumpur pada 11 Mac 2023

**PERPUSTAKAAN**

- xii. Riang Ria Cuti Sekolah di semua perpustakaan pada 10 hingga 29 Disember 2022 dan sesi kedua pada Februari hingga Mac 2023
  - xiii. Bicara Eksekutif 2022 pada 20 Disember 2022
7. Kementerian telah menganjurkan **program HARMONI** yang melibatkan penyertaan ketua dan wakil pelbagai agama. Pelbagai **program** telah dilaksanakan di seluruh negara dalam tempoh 17 hingga 28 Februari 2023. Antara pengisian dalam program tersebut adalah:

- i. **Sumbangan Bakul RAHMAH** kepada rumah kebajikan;
  - ii. **Gotong - Royong** di rumah kebajikan;
  - iii. **Program RAHMAH Mesra** bersama penghuni warga emas dan anak yatim;
  - iv. **Forum** kepada wakil-wakil badan agama.
  
8. Program-program yang dilaksanakan melibatkan jentera-jentera perpaduan di seluruh negara khususnya Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Untuk makluman, pada masa ini terdapat sebanyak 8,348 KRT di seluruh negara.
  
9. Pelbagai **program komuniti di peringkat KRT** yang menjadi **tapak interaksi sosial pelbagai kaum** telah dilaksanakan antaranya adalah :
  - i. **Program Gerak RAHMAH Jom Sihat** yang diadakan serentak di seluruh negara pada 25 Februari 2023 yang melibatkan lebih **4,800 KRT** dengan penyertaan melebihi 100,000 komuniti.
  
  - ii. **Program Gerak RAHMAH Jom Ronda** yang diadakan serentak di seluruh negara pada 17 Mac 2023 melibatkan **3,085 Skim Rondaan Sukarela (SRS)** dengan penyertaan melebihi 100,000 komuniti.
  
10. Program mempromosi perpaduan juga melibatkan saluran media khususnya radio dan televisyen. Saya sendiri juga telah diwawancara oleh **RTM melalui slot Bicara Naratif: Perpaduan Dalam Kepelbagaian pada 6 Mac 2023.**

**NO SOALAN: 9**

11. Kementerian Perpaduan Negara akan terus menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sehingga ke peringkat akar umbi dalam usaha mempromosi perpaduan pelbagai kaum.
  
12. Program utama pada tahun ini adalah **Sambutan Minggu Perpaduan** yang akan diadakan di seluruh negara pada **20 – 27 Mei 2023** yang dijangka akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS  
TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK NORAINI IDRIS** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah strategi-strategi pemulihan yang sedang dirangka oleh Kerajaan bagi meningkatkan semula keberhasilan sektor minyak sawit tempatan rentetan daripada kerugian RM 20 bilion yang dikatakan berlaku disebabkan oleh kekurangan pekerja asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kekurangan dan kebergantungan kepada tenaga buruh di sektor perladangan sawit berlaku berikutan kurangnya penglibatan tenaga buruh tempatan terutamanya bagi aktiviti penuaian dan pemungutan buah tandan segar (BTS). Aktiviti tersebut sangat penting dan memerlukan lebih ramai tenaga kerja berbanding aktiviti lain di ladang sawit dan aktiviti tersebut kini telah dikuasai oleh tenaga kerja asing.
  
2. Bagi meningkatkan semula keberhasilan sektor minyak sawit, Kementerian telah merangka **lima (5)** strategi pemulihan seperti di bawah:
  - I. **Mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri** untuk mempercepat dan mempermudah urusan kemasukan pekerja asing bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh pihak ladang. Sektor perladangan juga telah disenaraikan di antara lima sektor kritikal yang memerlukan tenaga buruh asing yang tinggi dalam pelaksanaan program Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing. Melalui program ini yang mula dilancarkan sejak 17 Januari 2023, sebanyak lima sektor termasuk sektor perladangan telah diberi keutamaan untuk mendapatkan tenaga buruh asing dengan kelonggaran kepada majikan untuk menggaji pekerja asing dari 15 negara sumber tanpa melalui prasyarat kelayakan penggajian serta kelayakan kuota;

## NO SOALAN: 10

- II. **Memperkasakan peranan Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP)** yang telah dilancarkan pada tahun 2021 bagi menggalakkan penyelidikan dan pengkomersilan teknologi mekanisasi serta automasi di ladang sebagai tindakan jangka masa panjang. Melalui penubuhan konsortium ini, Kerajaan mensasarkan peningkatan penggunaan teknologi dan mekanisasi serta automasi di ladang bagi mengurangkan penggunaan tenaga buruh dan meningkatkan produktiviti di ladang;
- III. **Penyediaan dana 50 juta ringgit melalui geran sepadan seperti yang diumumkan semasa Belanjawan 2023** oleh YAB Perdana Menteri untuk menggalakkan automasi sektor perladangan melalui penggunaan robotik dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligent, AI*) yang berupaya menggaji pekerja tempatan yang berkemahiran;
- IV. **Pelaksanaan program latihan untuk belia melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC)** berkaitan mekanisasi dan automasi ladang bagi menarik tenaga kerja tempatan bekerja di ladang. Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) yang dijalankan di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di Keratong, Pahang di bawah MPOB, diiktiraf di bawah Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) menawarkan latihan yang mengaplikasikan penggunaan jentera mekanisasi dan automasi secara intensif yang dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil dan memberi nilai tambah dalam skill pekerjaan serta peningkatan pendapatan kepada belia. Untuk tahun 2023, KPK juga telah diberikan kelulusan Peruntukan Pembangunan oleh Kementerian

## NO SOALAN: 10

Kewangan (MoF) sebanyak RM20 juta bagi melaksanakan program Mekanisasi dan Automasi Komoditi; dan

- V. **Pelaksanaan Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN 2021-2030)** bagi menggalakkan dan meningkatkan daya saing usahawan bumiputera dalam sektor hiliran sawit. Dengan adanya usaha-usaha yang sedang dilakukan ini, Kementerian berharap akan dapat menangani masalah kekurangan guna tenaga kerja asing serta meningkatkan semula keberhasilan dan produktiviti sektor minyak sawit tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah isu perubahan iklim dan impak perubahan iklim ke atas pertanian di Malaysia diambil kira dalam dasar pertanian negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menangani cabaran perubahan iklim, KPKM telah membangunkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang mana teras dasarnya adalah untuk mempergiatkan aktiviti pertanian mampan yang mesra alam dan berdaya tahan terhadap iklim bagi meminimumkan impak perubahan iklim terhadap sektor agromakanan melalui tiga ciri utama iaitu kemampanan, berdaya tahan dan berpacukan kemajuan teknologi.

Bagi menangani kesan perubahan iklim terhadap sektor agromakanan negara, teras dasar DAN 2.0 ini diterjemah melalui strategi dan tindakan seperti berikut:

- (i) **menggalakkan penggunaan teknologi berasaskan iklim (*climate-based technology*) dan automasi** termasuk pendekatan pertanian pintar iklim dengan mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk industri. Antara teknologi berasaskan iklim yang sedia ada adalah penanaman dalam persekitaran terkawal (*Controlled Environment Farming*) seperti kilang tanaman (*plant factory*);
- (ii) **mempergiatkan aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I)**. Antara penyelidikan yang sedang dilaksanakan adalah pembangunan varieti padi yang tahan kemarau dan banjir serta kajian pembangunan baka akuakultur yang mempunyai daya tahan kepada perubahan iklim;

## NO SOALAN: 11

- (iii) **menggalakkan amalan pertanian mampan** melalui pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) dan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) bagi sektor tanaman, perikanan dan ternakan yang dapat mengurangkan penggunaan baja dan racun kimia yang boleh mencemarkan alam sekitar;
- (iv) **menyediakan kemudahan bekalan air melalui air hujan (*Rainwater Harvesting*) dan telaga tiub (*tube well*)** sebagai sumber alternatif bagi mengatasi masalah kekurangan air semasa musim kemarau;
- (v) **menggalakkan pembuatan silaj dan hay** bagi sektor ternakan bertujuan sebagai konservasi makanan di musim terdapat banyak rumput. Silaj dan hay ini akan menjadi sumber bekalan makanan utama ternakan apabila berlaku kekurangan rumput segar semasa kemarau melanda; dan
- (vi) **membina kelengkapan infrastruktur pengairan sawah secara *Alternate Wetting and Drying (AWD)*** bagi menggantikan pengairan secara “banjir” (*Continuously Flooded*) untuk mengoptimumkan penggunaan air dan meningkatkan kecekapan infrastruktur pengairan.

## NO SOALAN: 11

Bagi mengurangkan risiko kerugian yang melibatkan bencana seperti kemarau dan banjir akibat perubahan iklim, KPKM juga akan **memperkenalkan Skim Takaful Pertanian bermula dengan sektor padi**. Skim Takaful Tanaman Padi ini bakal menghasilkan industri padi yang lebih mampan dan lestari dan seterusnya memastikan para pesawah terus menyumbang kepada keselamatan makanan negara sambil dilindungi secukupnya daripada kerugian yang tidak dijangka.

KPKM akan terus komited dalam memastikan ketangkasan dan daya tahan rangkaian bekalan bagi sektor agromakanan untuk terus berdaya saing bagi memastikan jaminan bekalan makanan negara. KPKM juga sentiasa berkerjasama dengan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan strategi di bawah sektor agromakanan adalah seiring dengan dasar perubahan iklim di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengusahakan lebih banyak kawasan hentian rehat dan rawat di sepanjang Lebuhraya Central Spine Road (CSR) bagi memudahkan perjalanan jarak jauh pengguna lebuhraya tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) atau sebelum ini dikenali sebagai Central Spine Road (CSR) adalah projek pembinaan lebuh raya tanpa tol sepanjang 298.4km yang dibahagikan kepada enam (6) pakej utama bagi menghubungkan Kuala Krai, Kelantan ke Lebuh raya Pantai Timur, Pahang.

LTU akan mengguna pakai dua (2) hentian rehat dan rawat (R&R) sedia ada di Gua Musang Utara yang terletak di dalam LTU Pakej 2 dan Gua Musang Selatan di dalam LTU Pakej 3. Manakala satu (1) R&R baharu akan dibina di lokasi Kg. Relong di kawasan LTU Pakej 4 dan terdapat satu (1) di Bentong yang masih di peringkat perancangan.

Di samping itu, lebuh raya tanpa tol ini direka bentuk sebagai sistem terbuka yang menyediakan beberapa persimpangan bertingkat dan dua puluh tiga (23) jalan susur di sepanjang jajaran LTU bagi memudahkan pengguna jalan raya untuk keluar dan masuk sekiranya perlu disamping memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Antara manfaat yang bakal dinikmati ialah penguraian trafik bagi kawasan sekitar, penjimatan masa perjalanan dan penggunaan jalan raya yang lebih selesa dan selamat. Dengan adanya projek sebegini juga, secara tidak langsung dapat menjana pembangunan sosio ekonomi di kawasan sekitarnya serta mewujudkan peluang pekerjaan dan industri baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah terkini para pelarian serta pemohon suaka yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) Malaysia serta adakah terdapat pelarian yang masuk ke negara kita secara haram yang direkodkan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH,  
SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (*United Nations High Commissioner For Refugees - UNHCR*) sehingga Disember 2022, **terdapat seramai 182,990 pelarian dan pemohon suaka di Malaysia dari 59 buah negara**. Daripada jumlah ini, seramai 135,440 orang (74.01%) merupakan pelarian dan 47,550 orang (25.99%) adalah pemohon suaka. Seramai 158,165 (86.43%) daripadanya adalah pelarian dan pemohon suaka dari Myanmar yang mana etnik Rohingya, Myanmar membentuk 58.00% daripada keseluruhan jumlah pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR.
2. Semua migran asing yang memasuki negara secara sah atau tidak sah hanya akan diiktiraf sebagai pelarian di bawah UNHCR setelah menjalani proses penentuan status pelarian oleh Pejabat UNHCR di Kuala Lumpur dan telah diberikan kad UNHCR. Kerajaan tidak mengiktiraf mana-mana pelarian yang masuk ke Malaysia menggunakan kad UNHCR yang diluluskan oleh Pejabat UNHCR di luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO` SRI VELL PAARI A/L TUN**  
**SAMY VELLU**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO` SRI VELL PAARI a/l TUN SAMY VELLU** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan memperincikan jumlah pelaburan asing di Malaysia dan apakah usaha pihak Kementerian untuk menggalakkan lagi pelaburan asing memandangkan saiz ekonomi negara berkembang melalui perbelanjaan isi rumah pada 67% dan pelaburan pada 25% sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif telah memberi kelebihan kepada Malaysia untuk kekal sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing. Dengan era persaingan geopolitik yang mungkin berterusan selama satu atau dua dekad lagi, Asia Tenggara kini telah menjadi tumpuan dunia yang mana syarikat-syarikat Amerika Syarikat dan Eropah tidak lagi mahu terlalu terikat dengan pelaburan di negara China sahaja melalui model “China + 1”, atau mahu beralih keluar daripada China dan melihat Asia Tenggara sebagai destinasi alternatif mereka. Sehingga kini, Malaysia masih merupakan sebuah destinasi pelaburan utama di rantau ini walaupun berhadapan dengan landskap pelaburan global yang mencabar. Perkara ini diakui dan diiktiraf oleh institusi terkemuka Milken Institute Global Opportunity Index 2022 yang menobatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang paling menarik di kalangan negara-negara Asia Tenggara bagi pelabur-pelabur asing.

Berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi tahun 2022, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama adalah berjumlah RM264.6 bilion. Daripada jumlah ini, jumlah pelaburan langsung asing (FDI) kekal sebagai penyumbang utama dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM163.3 bilion atau 61.7 peratus, manakala pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang sebanyak RM101.3 bilion atau 38.3 peratus.

**NO SOALAN: 14**

Sektor perkhidmatan telah mencatatkan pelaburan sebanyak RM154 bilion atau 58.2 peratus, dengan pelaburan asing merupakan penyumbang utama iaitu RM84.9 bilion. Seterusnya, sektor perkilangan pula telah mencatatkan pelaburan RM84.3 bilion atau 31.9 peratus dan RM66 bilion merupakan pelaburan asing. Sektor utama pula mencatatkan pelaburan sebanyak RM26.3 bilion atau 9.9 peratus, manakala pelaburan asing pula berjumlah RM12.4 bilion.

Berikut merupakan lima subsektor utama yang telah menyumbang tinggi kepada pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan bagi tahun 2022 iaitu:

<b>Bil.</b>	<b>Subsektor</b>	<b>Pelaburan Langsung Asing Tahun 2022  (RM juta)</b>
i.	Maklumat dan Komunikasi	72,147.4
ii.	Produk Elektrikal dan Elektronik	27,853.1
iii.	Perlombongan	12,419.30
iv.	Kelengkapan Pengangkutan	6,602.7
v.	Kimia dan Produk Kimia	5,724.9

## NO SOALAN: 14

Dalam usaha untuk mengimbangi jumlah saiz ekonomi negara dan pendapatan isi rumah, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensinya iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menasaskan untuk menarik pelaburan yang terpilih dan berfokus bagi memastikan pelaburan asing yang masuk ke dalam negara adalah pelaburan yang berkualiti dan berimpak tinggi kepada seluruh masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan saiz pelaburan sedia ada seperti yang dibangkitkan oleh YB Senator, Kerajaan sentiasa berusaha untuk membangunkan industri yang berteraskan teknologi dan mempunyai nilai tambah tinggi terhadap ekosistem industri di negara ini bagi mengekalkan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang kompetitif dan terkemuka. Antara inisiatif pelaburan baharu bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan pilihan adalah melalui aktiviti-aktiviti, antara lain, seperti berikut:

- a. Program Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan (*TIM*) bersama Menteri / Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk menarik projek berkualiti dari seluruh dunia. Melalui TIM pada awal tahun 2023, Kerajaan telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan FDI sejumlah RM3.25 billion melalui misi pelaburannya ke Milan, Itali dan RM13 bilion melalui misi pelaburannya ke Republik Singapura, pada Januari 2023. Melalui TIM ke Republik Korea Selatan pada Mac 2023, komitmen pelaburan sebanyak RM24 bilion telah berjaya diperolehi;

## NO SOALAN: 14

- b. Misi Projek Khusus (*Strike force*) dan lawatan kerja spesifik bagi memfokuskan kepada syarikat-syarikat bertaraf dunia yang sangat berpotensi yang diketuai oleh Ketua Kerajaan/ Kementerian/ Pegawai-pegawai Kanan MIDA. Pada tahun 2023, MITI telah menyasarkan untuk melaksanakan sebanyak 13 misi projek khusus dan lawatan spesifik;
- c. Mempertingkatkan lagi sesi libat urus dengan pelabur baharu dan sedia ada melalui penganjuran seminar/*webinar*, mesyuarat meja bulat, lawatan kerja, mesyuarat dengan syarikat individu dan majlis rangkaian oleh Pejabat MIDA Luar Negara. Bagi tahun 2023, Kerajaan melalui MITI menyasarkan untuk menjalankan sebanyak 300 sesi libat urus yang berterusan bersama dengan pelabur baharu dan sedia ada. MIDA juga menyasarkan untuk mengadakan 4 *Flagship Programme* bagi tahun 2023;
- d. Melancarkan Dasar Pelaburan Baharu (NIP) berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) pada 6 Oktober 2022 untuk mendorong pertumbuhan jangka panjang untuk Malaysia melalui kemasukan pelaburan berkualiti yang mampan dalam bidang pertumbuhan baharu dan kompleks serta mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk rakyat. Aspirasi ini berfungsi sebagai asas teras NIP, yang menggariskan strategi penting untuk menggiatkan semula dan memangkin ekosistem pelaburan Malaysia; dan
- e. Memperkenalkan inisiatif memudahkan urusan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) seperti #MyMudah di bawah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai langkah bukan fiskal untuk menyokong pemulihan ekonomi menerusi langkah-

## **NO SOALAN: 14**

langkah yang efektif dalam mengurangkan beban peraturan tidak wajar dan mengurangkan kos perniagaan sekaligus meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Misi-misi pelaburan ini, yang dilaksanakan oleh MITI dan MIDA merupakan antara strategi penting ke arah merealisasikan matlamat Malaysia untuk menjadi hab inovasi global berteknologi tinggi dengan ekosistem pelaburan yang berdaya tahan dan seterusnya dapat memberi kesan limpahan yang positif termasuk penjana pendapatan yang tinggi kepada rakyat tempatan.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN**  
**HAMZAH**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menangani masalah kebocoran data peribadi yang semakin serius yang seolah-olah tiada sistem keselamatan mengakibatkan penjenayah siber memanipulasi data tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Hal-hal berkaitan sistem keselamatan siber negara adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN) melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) berdasarkan Arahan 26 MKN: Pengurusan Keselamatan Siber Negara. Mana-mana sistem kritikal berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berpotensi untuk memberi kesan kepada keselamatan negara dan privasi individu adalah dikategorikan sebagai Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara [*Critical National Information Infrastructure (CNII)*]. Terdapat 11 sektor CNII termasuklah sektor Kerajaan yang melibatkan data peribadi rakyat yang diproses dan disimpan oleh pihak Kerajaan.

Bagi melindungi data peribadi rakyat dalam transaksi komersial pula, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] di bawah Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah digubal dan Akta ini tidak terpakai untuk pihak Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri kerana sektor Kerajaan telah dikategorikan sebagai CNII.

Dalam usaha untuk memperhalusi isu keselamatan siber bagi melindungi data peribadi rakyat samada di bawah CNII atau di bawah Akta 709, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui CyberSecurity Malaysia (CSM) sebagai agensi teknikal keselamatan siber negara, sentiasa bersedia untuk memberikan bantuan teknikal yang berkaitan kepada mana-mana agensi Kerajaan atau swasta.

Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia [*Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT)*] di bawah CSM merupakan pusat rujukan teknikal berkaitan insiden keselamatan siber di Malaysia dan dianggotai oleh sekumpulan pakar yang akan bertindak balas terhadap sebarang pelaporan insiden keselamatan siber yang diterima dari pelbagai pihak samada Kerajaan, swasta, orang ramai, pemantauan dalaman CSM sendiri dan juga daripada pasukan tindak balas kecemasan komputer (CERT) negara lain. Bagi insiden kebocoran data peribadi, laporan yang diterima akan dikaji dan dipanjangkan untuk makluman dan tindakan segera bahagian teknologi maklumat entiti terlibat, pihak NACSA dan juga JPDP.

Bagi meneliti bagaimana sesuatu kebocoran boleh berlaku dan tindakan mitigasi yang perlu diambil untuk memastikan insiden yang sama tidak berulang, CSM juga turut menyediakan perkhidmatan pemeriksaan forensik digital berdasarkan kepada arahan dan keperluan agensi Kerajaan yang terlibat dengan keselamatan siber negara di bawah Arahan 26 MKN. Sebagai contoh pemeriksaan forensik digital yang diminta oleh pihak JPDP bagi kes kebocoran maklumat peribadi.

Di bawah seksyen 48 dan seksyen 101 Akta 709, bagi memastikan sistem keselamatan siber di syarikat/organisasi pengguna data adalah sentiasa ditambah baik, pemeriksaan ke atas sistem data peribadi syarikat/organisasi pengguna data tersebut turut dilaksanakan oleh JPDP dari semasa ke semasa. Sehingga 16 Mac 2023, sebanyak 273 pemeriksaan telah dilaksanakan oleh JPDP.

## **NO SOALAN: 15**

Berbanding tindakan yang bersifat reaktif, langkah proaktif perlu diambil untuk melindungi data yang merupakan aset kepada negara. Oleh itu, mana-mana jabatan Kerajaan yang mempunyai pegangan data yang besar disarankan untuk menghubungi CSM bagi pelaksanaan audit keselamatan siber untuk memastikan data yang disimpan berada di dalam ekosistem yang selamat dan tidak boleh dikompromi. Pengesanan awal membolehkan tindakan mitigasi diambil segera dan seterusnya meminimalkan risiko berlakunya insiden keselamatan siber.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH**  
**BINTI MUSA**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan garis masa untuk pembentangan pindaan perlembagaan bagi memberikan wanita warganegara hak yang sama seperti lelaki; yakni untuk memberikan kewarganegaraan automatik kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara kepada pasangan lain kewarganegaraan. Ini ekoran komitmen Kerajaan di media berkaitan perkara tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Memorandum Jemaah Menteri mengenai Penubuhan Jawatankuasa Kabinet dan Jawatankuasa Teknikal Pindaan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan berhubung perkara Kewarganegaraan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Februari 2023 dan telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri. Jawatankuasa ini akan membuat penelitian dan kajian secara menyeluruh berhubung pindaan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan ini termasuk isu memberikan kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang kepada anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara Malaysia.

Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya pindaan yang lain berkaitan kewarganegaraan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dikaji dengan lebih terperinci oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri setelah cadangan pindaan tersebut dimuktamadkan dengan mengambil kira libat urus dengan semua pihak yang berkepentingan. Selaras dengan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan, pindaan terhadap Bahagian III Perlembagaan Persekutuan hendaklah mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja dan sokongan dua pertiga Ahli Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membantu menggalakkan minat rakyat Malaysia dalam aktiviti riadah dan perkhemahan dengan menaik taraf tapak-tapak perkhemahan seluruh negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara sentiasa cakna serta menggalakkan rakyat di negara ini untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti riadah dan perkhemahan.

Pada tahun ini KBS telah merancang untuk menganjurkan lima (5) Program Ekplorasi Alam berkonsepkan penjelajahan dan pengembaraan alam semulajadi. Objektif utama program ini adalah memberikan pendedahan kepada peserta berkaitan asas perkhemahan, kepentingan memelihara dan memulihara flora dan fauna, menghayati keindahan alam semulajadi dan dalam pada masa yang sama menggalakkan peserta untuk mengamalkan gaya hidup aktif.

Selain itu, KBS turut menganjurkan Kursus Asas Rekreasi Luar untuk memberi pendidikan kepada belia membuat persediaan aspek keselamatan sama ada sebelum dan juga semasa melakukan aktiviti perkhemahan. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah meliputi elemen air dan darat seperti penjelajahan lasak, perkhemahan, berkayak, berkuda, aktiviti air (*water confident*), aktiviti mendaki gunung, program ikhtiar hidup dan kursus asas ikatan.

Seterusnya, pada tahun ini juga KBS akan melaksanakan sebanyak 14 program berkonsepkan riadah dan rekreasi di seluruh negara dengan sasaran penyertaan seramai 42,000 orang. Antara program yang akan dilaksanakan adalah:

1. Aktif @ Komuniti
2. Aktif @ Luar Bandar
3. Active @ Sukan Tradisional
4. Program Pembudayaan Sukan Untuk Semua
5. Active Aging And Wellness
6. My Fit @ Active NGO
7. Fit @ Community
8. KLASS Renang
9. Inspirasi Wanita Aktif
10. Mega Aerobic Challenge (M.A.C)
11. Let's Get Fit
12. Putrajaya Run Up
13. Eksplorasi Alam Kebangsaan
14. Himpunan Wajadiri

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tiada perancangan khusus untuk membina atau menarik taraf tapak-tapak perkhemahan kerana perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun KSB sentiasa mengalu – alukan serta menyokong persatuan, operator kem, kelab rekreasi atau syarikat swasta untuk turut sama dalam menganjurkan program perkhemahan atau aktiviti rekreasi seumpama ini bagi menggalakkan industri pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membina sebuah lagi hospital di Daerah Johor Bahru, Johor.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedar bahawa perlunya perkhidmatan kesihatan di daerah Johor Bahru ditambah baik dan ditingkatkan bagi memenuhi kehendak dan keperluan penduduk yang semakin meningkat di Johor Bahru.
  
2. Pada masa ini, terdapat beberapa projek pembangunan bagi menampung keperluan penduduk sekitar Johor Bahru yang akan menyumbang kepada penambahan bilangan katil (500 katil) hospital seperti berikut:
  - (i) Pembinaan hospital baru, Hospital Pasir Gudang dengan 304 katil yang dijangka siap pada akhir tahun 2024; dan
  - (ii) Pembinaan Kompleks Rawatan Harian (ACC) Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dengan 196 katil yang dijangka bermula pada tahun 2024.
  
3. Pada masa yang sama, KKM sedang dan akan melaksanakan:
  - (i) Pembinaan Bangunan Baru Makmal Patologi Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru yang dijangka siap pada April 2023;
  - (ii) Naik taraf bekalan utama elektrik, sistem elektrik dan mekanikal di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru yang dijangka siap pada Julai 2025; dan

**NO SOALAN: 18**

- (iii) Naik taraf Bilik Autopsi, Jabatan Forensik Hospital Sultan Ismail Johor Bahru yang dijangka dimulakan pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD**  
**RADZI**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan segera Kerajaan mengatasi isu pembayaran lewat Bantuan Kewangan OKU kepada mahasiswa OKU di beberapa IPTA serta apakah mekanisma yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan bagi melibatkan sektor wakaf dan zakat dalam membantu meringankan beban mahasiswa OKU.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menyediakan Bantuan Kewangan OKU (BKOKU) kepada pelajar OKU bagi memberi peluang untuk menyambung pengajian sehingga ke peringkat tertiar di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Pada masa ini, penyaluran BKOKU kepada penerima yang layak dan berjaya bagi setiap semester adalah dibuat secara permohonan dan pendekatan ini adalah sebagai langkah kawalan bagi memastikan status pelajar OKU yang disalurkan bantuan adalah sentiasa aktif di IPT masing-masing.
3. Bermula tahun 2019 sehingga 2022, KPT telah menerima dan memproses permohonan bantuan berjumlah lebih 2,000 permohonan secara purata setiap tahun.
4. Sebagai langkah untuk memastikan penyampaian BKOKU yang cekap, KPT sedang memperkasa kerjasama dengan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di bawah Kementerian ini menerusi sesi libat urus secara berfasa bagi mengelakkan keciciran maklumat pelajar OKU dan melancarkan proses penyaluran bantuan kepada penerima.

5. Selain itu, **sistem BKOKU yang baharu** akan dibangunkan bagi menggantikan sistem sedia ada yang telah usang kepada sistem yang lebih komprehensif, mesra pengguna, stabil dan efisien dengan mengambil kira aspek pendigitalan perkhidmatan, pengumpulan data yang sistematik serta meningkatkan *emerging technologies* di antara agensi terlibat.
  
6. Dalam konteks **wakaf dan zakat** untuk membantu meringankan beban mahasiswa OKU pula, pelbagai bantuan oleh Kementerian melalui universiti awam disediakan untuk mahasiswa OKU, antaranya:
  - i. penyediaan **biasiswa/ bantuan kewangan khusus** seperti skim pengurangan yuran pengajian sebanyak 50% dan dermasiswa pelajar OKU,
  
  - ii. penyediaan **keperluan pembelajaran** seperti komputer riba dan peranti kepada pelajar OKU,
  
  - iii. penaiktarafan **fasiliti dan prasarana** universiti yang keutamaan diberikan kepada keperluan pelajar OKU seperti pemasangan Laluan Braille dan naik taraf kolej kediaman untuk kemudahan pelajar OKU, dan
  
  - iv. Pelaksanaan **program-program pemerksaan dan kesedaran OKU** di universiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN RITA SARIMAH ANAK**  
**PATRICK INSOL**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah yang akan diperkenalkan oleh Kementerian baik dari segi sukatan pelajaran ataupun silibus di sekolah-sekolah untuk menerapkan nilai-nilai madani dalam kalangan murid.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi tumpuan kepada perkembangan potensi murid secara bersepadu dan menyeluruh ke arah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 meletakkan hasrat untuk mencapai enam aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Aspirasi kemenjadian murid dalam PPPM adalah selari dengan kepentingan penerapan nilai-nilai madani dalam kalangan murid yang berkonsepkan enam tonggak utama iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), 14 nilai universal diajar dan dipupuk dalam kalangan murid. Nilai-nilai ini dikembangkan lagi menjadi 18 nilai universal dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) iaitu pengenalan kepada nilai Berdikari, Harga Diri, Kebebasan, Patriotisme dan Rasional diajar kepada murid sebagai satu cara untuk menerapkan tingkah laku murid yang terpuji.

Selain itu, KPM turut melaksanakan pendidikan sivik bermula pada peringkat prasekolah. Pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, pendidikan sivik disepadukan dalam lima mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah yang menekankan nilai-nilai seperti kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan kegembiraan. Pelaksanaan kesemua elemen ini adalah selari dengan nilai-nilai madani bagi membentuk warganegara yang mempunyai jati diri, berdaya tahan dan berkeperibadian Malaysia yang patriotik berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM memperkenalkan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) iaitu unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang tidak hanya tertumpu pada satu mata pelajaran sahaja. Antara EMK yang diterapkan adalah seperti bahasa, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), patriotisme, kreativiti dan inovasi, keusahawanan, pendidikan kewangan dan kelestarian global. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan, mempunyai keyakinan diri yang tinggi juga berdaya cipta serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan.

Elemen keusahawanan turut diterapkan dalam KSSR dan KSSM. Di peringkat menengah, murid diberi pilihan untuk mengambil mata pelajaran berkaitan keusahawanan seperti Pengajian Keusahawanan dan Perniagaan sebagai mata pelajaran elektif. Pelaksanaan KSSR dan KSSM memberi penekanan kepada elemen kreativiti dan inovasi serta TMK yang merentas semua mata pelajaran. Komponen inovasi

## **NO SOALAN: 20**

diperkenalkan secara khusus dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi di peringkat sekolah rendah dan menengah. Pada peringkat sekolah menengah, komponen inovasi terdapat dalam mata pelajaran Reka Cipta, Asas Sains Komputer, Sains Komputer, Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Reka Bentuk Industri (hanya ditawarkan di Sekolah Seni Malaysia). Elemen inovasi juga diterapkan dalam mata pelajaran lain seperti Sains dan Matematik. Semua elemen ini berkait dengan nilai madani iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

KPM sentiasa berusaha memberikan pendidikan terbaik bagi melahirkan murid yang dapat membudayakan aspek 'karamah insaniah' dalam kehidupan harian ke arah melahirkan generasi yang berkualiti pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK JOHN AMBROSE** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana kajian yang dibuat berhubung cadangan pembinaan lebih banyak Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART) dan bandar span (*sponge city*) di kawasan yang berisiko banjir.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membangunkan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi Kedua pada tahun 2012. Manual ini mengguna pakai konsep bandar span (*sponge city*) di mana ianya memberi penekanan terhadap kaedah kawalan di punca (*control at source*).
2. MSMA telah dijadikan sebagai syarat bagi kelulusan sesuatu pembangunan yang melibatkan infrastruktur saliran oleh semua agensi persekutuan, negeri dan swasta berkuatkuasa bermula Januari tahun 2001. Pemakaian dan pelaksanaan sistem saliran berkonsepkan MSMA yang beroperasi dan diselenggarakan dengan baik secara berterusan bukan sahaja dapat mengatasi masalah banjir kilat, banjir lumpur serta pencemaran sumber air tetapi dalam jangka masa panjang ia akan dapat meningkatkan kualiti air yang mengalir ke sungai.
3. Berpandukan MSMA, setiap pembangunan baru hendaklah menyediakan kolam takungan banjir sebelum dialirkan ke sungai atau saliran utama sedia ada. MSMA juga mengalakkan agar sesebuah pembangunan mengekalkan kawasan telap air agar air hujan dapat meresap ke dalam tanah dengan mudah. Pembinaan kolam takungan banjir dapat mengurangkan daripada terbeban dengan peningkatan aliran air larian puncak dan seterusnya risiko banjir dapat dikurangkan.

4. Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART) adalah satu terowong pintasan dwi-fungsi sebagai kegunaan jalan raya dan laluan bagi pengurusan air banjir. JPS sedang menjalankan Kajian Pelan Induk Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Klang; di mana salah satu opsi yang dinilai dan dikaji adalah pembinaan terowong memandangkan pembangunan di dalam lembangan ini adalah padat dan kekurangan kawasan untuk pembinaan komponen tebatan banjir secara konvensional. Kajian ini masih diperingkat Laporan Interim Kedua dan akan dimuktamadkan pada September 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A. ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pembaharuan yang telah dilaksanakan menerusi Lembaga Peperiksaan Malaysia bagi mengekang apa jua bentuk pecah amanah yang boleh membocorkan kerahsiaan kertas peperiksaan penting seperti SPM kepada pihak luar termasuk guru serta kakitangan sekolah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa aspek keselamatan dan kerahsiaan kertas peperiksaan amat dititikberatkan dalam pengurusan pengendalian peperiksaan awam termasuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan kertas peperiksaan, KPM melaksanakan prosedur operasi sedia ada (SOP) dengan penambahbaikan seperti yang berikut:

- i. Semua individu yang terlibat dalam pengurusan pengendalian peperiksaan awam termasuk pegawai atau petugas peperiksaan yang dilantik diwajibkan menjalani tapisan keselamatan dan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) seperti mana yang ditetapkan dalam SOP. Individu yang dilantik diberi taklimat terperinci tentang tanggungjawab dan akauntabiliti untuk menjaga kerahsian dokumen rasmi serta implikasi sekiranya melakukan ketidakaturan semasa menjalankan tugas;
- ii. Semua pegawai dan petugas peperiksaan yang dilantik diberi taklimat keselamatan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia merangkumi langkah-langkah untuk melindungi keselamatan fizikal, rahsia rasmi, rahsia rasmi dalam persekitaran ICT dan peribadi;

- iii. Semua pegawai dan petugas peperiksaan yang dilantik diberikan latihan serta kursus intensif berkaitan aspek keselamatan dan kerahsiaan dokumen rasmi bagi menjamin integriti semua pihak yang terlibat serta memantapkan pengurusan pengendalian peperiksaan awam;
- iv. Semua bilik kebal yang digunakan bagi tujuan peperiksaan dilengkapi dengan kamera litar tertutup dan diselenggara secara berkala bagi memastikan peralatan berfungsi dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu atau pihak yang terlibat dalam sebarang isu berkaitan kebocoran kertas peperiksaan awam. Tindakan boleh dikenakan ke atas mana-mana pihak atau pegawai KPM sekiranya mereka disabitkan bersalah oleh pihak berkuasa mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

KPM sentiasa komited dalam memastikan integriti, keselamatan dan kerahsiaan kertas peperiksaan adalah terjamin. Sebarang ancaman keselamatan akan ditangani dengan efisien bagi memberi keadilan kepada calon peperiksaan dan melestarikan kewibawaan KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU**  
**HANIFAH**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kementerian dalam penggunaan kamera badan bagi agensi penguat kuasa selain Polis Diraja Malaysia (PDRM).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian sedang dalam proses perolehan kamera badan kepada anggota PDRM dan sedang dalam rancangan memperluaskan penggunaan kamera badan untuk agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); Jabatan Penjara Malaysia (PRIDE); Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Ini demi memastikan integriti, ketelusan dan profesionalisme anggota penguatkuasa ketika berdepan dengan masyarakat dipelihara sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN AK NAN A/L EHTOOK  
TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN AK NAN A/L EHTOOK** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah kemajuan tindakan penambahbaikan yang telah diambil terhadap aduan rakyat di luar bandar bahawa Kementerian dan agensinya tidak bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan kesukaran mereka untuk mendapat capaian internet pada kualiti yang sepatutnya. Apakah status terkini usaha untuk meningkatkan kualiti capaian di Kg Padang (Kg Badak) Mukim Tekai Kiri, Daerah Padang Terap, Kedah dan seluruh jajahan Tumpat, Kelantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pemberi perkhidmatan dan mengarahkan supaya setiap aduan rakyat diberikan perhatian serius serta bertindak segera memperbaiki tahap capaian liputan di semua kawasan yang bermasalah. SKMM juga telah mengeluarkan Arahan Suruhanjaya kepada pemberi perkhidmatan yang gagal menepati kualiti perkhidmatan standard mandatori seperti diperuntukkan di bawah seksyen 109, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Sebanyak 229 Arahan Suruhanjaya berkaitan kualiti perkhidmatan telah dikeluarkan kepada pemberi perkhidmatan yang gagal menepati standard mandatori melibatkan 214 lokasi berbeza pada tahun 2022 dari 3,080 lokasi yang telah diaudit di seluruh Malaysia. Sebanyak 14 dari 229 Arahan Suruhanjaya adalah melibatkan Negeri Kedah dan 17 untuk Negeri Kelantan.

Daripada 229 Arahan Suruhanjaya tersebut, pemberi perkhidmatan telah membuat penambahbaikan yang melibatkan 181 Arahan Suruhanjaya termasuk satu di jajahan Tumpat. Manakala, semakan semula akan dibuat ke atas lokasi yang melibatkan tiga Arahan Suruhanjaya. Tindakan sivil akan diambil ke atas baki 45 Arahan Suruhanjaya yang telah gagal dipatuhi. Bagi lokasi-lokasi lain yang telah diaudit, hasil dapatan masih dalam peringkat analisis dan semakan.

## **NO SOALAN: 24**

Melalui Arahan Suruhanjaya ini, pemberi perkhidmatan wajib melakukan penambahbaikan kualiti perkhidmatan dengan mengoptimumkan atau menaik taraf menara sedia ada agar kualiti pengalaman pengguna pada tahap yang baik serta menyediakan menara baharu untuk menambah baik kualiti jaringan jalur lebar. Kegagalan pemberi perkhidmatan mematuhi Arahan Suruhanjaya ini boleh dikenakan penalti sivil sehingga RM200,000 di bawah seksyen 109, Akta 588. SKMM akan terus menjalankan audit kualiti perkhidmatan bagi tahun 2023 dengan sasaran lebih tinggi sebanyak 4,000 lokasi di seluruh negara bagi memastikan Standard Mandatori terus dipatuhi oleh pemberi perkhidmatan untuk menyelesaikan masalah kualiti perkhidmatan

Kerajaan juga telah dan sedang membuat penaiktarafan pelan jalur lebar di seluruh negara termasuklah di Kg Padang (Kg Badak) Mukim Tekai Kiri, Daerah Padang Terap, Kedah dan seluruh jajahan Tumpat, Kelantan yang dilaksanakan melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1.

## NO SOALAN: 24

Satu menara komunikasi sedia ada di Kg Padang telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G pada Februari 2022 meliputi pemberi perkhidmatan CelcomDigi dan Maxis. Pejabat SKMM Negeri Kedah juga turut menjalankan ujian liputan di Kg Padang pada 8 Mac 2023. Hasil ujian liputan mendapati liputan dan kualiti di Kg Padang berada pada tahap yang sangat baik. Perincian hasil ujian adalah seperti berikut:

LOKASI	CELCOM	DIGI	MAXIS
<b>Lokasi Pengujian 1</b> 6.074623,100.721965 (Kg Padang/Kg Badak)	DL: 57.5Mbps UL: 21.7Mbps	DL: 104Mbps UL: 38Mbps	DL: 123Mbps UL: 16.5Mbps
<b>Lokasi Pengujian 2</b> 6.079088,100.722410 (Jalan Utama)	DL: 75.3Mbps UL: 56.1Mbps	DL: 65.3Mbps UL: 43.3Mbps	DL: 87.5Mbps UL: 21.9Mbps

Bagi kawasan Tumpat pula, terdapat lapan menara baharu yang telah dirancang untuk dibina di bawah pelan JENDELA Fasa 1 dan kesemuanya telah siap beroperasi. Selain itu, sebanyak 197 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G daripada sejumlah 198 yang telah dirancang. Baki satu lagi dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK WIRA KOH NAI KWONG** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membuka siasatan atas kecuaiian bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas, dan jelaskan susulan perkembangan terkini isu kes saman waris Sultan Sulu dan apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan perkara ini tidak akan berulang.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berkenaan sama ada siasatan berkaitan kecuaiian bekas Peguam Negara Tan Sri Tommy Thomas perlu diadakan atau tidak, Sekretariat Khas bagi Menangani Isu Tuntutan Warga Filipina Yang Mengaku Sebagai Waris Sultan Jamalul Kiram III Terhadap Malaysia sedang meneliti perkara ini. Sekretariat ini terdiri daripada Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penyelidikan, JPM. Peguam Besar Sabah dan Pakar-pakar perundangan dalaman.

2. Berkenaan dengan tuntutan pihak yang mendakwa sebagai waris kepada Sultan Sulu ("Penuntut") terhadap Kerajaan Malaysia ("Tuntutan"), status terkini adalah seperti yang berikut:

**SEPANYOL**

- a) Aduan Jenayah terhadap Dr. Stampa
- (i) Malaysia telah memfailkan aduan jenayah terhadap Dr. Stampa kerana tidak mengendahkan keputusan Mahkamah Tinggi Madrid bertarikh 29 Jun 2021 yang telah membatalkan pelantikan beliau.
  - (ii) Pada 25 November 2022, Criminal Investigation Court Sepanyol telah memuktamadkan penyiasatannya dan telah memutuskan supaya peringkat pertuduhan hendaklah dijalankan memandangkan terdapat kemungkinan tindakan Dr. Stampa telah terjumlah kepada kesalahan jenayah. Malaysia telah memfailkan hujahan dan sedang menunggu arahan Mahkamah seterusnya.
- b) Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Keputusan Mahkamah Tinggi Sabah bertarikh 14 Januari 2023
- (i) Permohonan masih menunggu hujahan kedua Pendakwa Raya Sepanyol mengenai permohonan Malaysia dan tarikh bagi pendengaran belum ditentukan.

**PERANCIS**

1. Berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi Madrid di Sepanyol yang membatalkan pelantikan Dr. Stampa sebagai penimbang tara bertarikh 29 Jun 2021, Penuntut telah mendapatkan Perintah daripada Mahkamah Perancis bertarikh 29 September 2021 untuk mengiktiraf *Preliminary Award* bertarikh 25 Mei 2020. Dengan Perintah Mahkamah Perancis tersebut, Dr. Stampa telah memindahkan prosiding timbang tara yang sepatutnya telah diberhentikan ke Paris, Perancis.

- a) Permohonan Rayuan Terhadap *Preliminary Award* oleh Kerajaan Malaysia terhadap Perintah Mahkamah Perancis bertarikh 29 September 2022
  - (i) Pendengaran telah berlangsung pada 6 Februari 2023 di Mahkamah Rayuan Perancis. Semasa pendengaran tersebut, Mahkamah Rayuan Perancis telah membenarkan pihak-pihak untuk memfailkan hujahan lanjut bagi membalas hujahan yang dibuat oleh Pendakwa Raya Perancis dan Malaysia telah memfailkan hujahan tersebut pada 13 Februari 2023. Keputusan dijangka akan dikeluarkan pada bulan Jun 2023.
- b) Permohonan oleh Kerajaan Malaysia untuk membatalkan *Final Award* yang telah dikeluarkan oleh Dr. Stampa pada 28 Februari 2022

- (i) Kerajaan Malaysia telah memfailkan hujahan-hujahan yang diperlukan dan sedang menunggu tarikh pendengaran.

## **LUXEMBOURG**

1. Selain daripada tindakan di Sepanyol dan Perancis, pihak Penuntut juga telah memulakan prosiding penguatkuasaan *Final Award* di Luxembourg melalui suatu *Exequatur Order* bertarikh 18 Mei 2022 bagi mengiktiraf *Final Award* yang dikeluarkan oleh Dr. Stampa. Sebagai tindak balas, Kerajaan telah mengambil tindakan perundangan di Mahkamah Luxembourg seperti berikut:

- a) Permohonan Kerajaan untuk mencabar *Exequatur Order* bertarikh 18 Mei 2022
  - (i) Pada 6 September 2022, Kerajaan telah memfailkan rayuan untuk mencabar *Exequatur Order* tersebut dan kini sedang menunggu Mahkamah Luxembourg untuk menetapkan tarikh akhir pengemukaan hujahan oleh Penuntut.
- b) Permohonan Kerajaan untuk mencabar penguatkuasaan *Final Award*
  - (i) Lanjutan daripada tindakan pihak Penuntut dalam mendapatkan perintah penahanan terhadap sembilan (9) bank Luxembourg bagi menahan aset Malaysia untuk tujuan penguatkuasaan *Final Award* tersebut, Kerajaan

## NO SOALAN: 25

telah memfailkan permohonan relif interim bagi membatalkan perintah penahanan aset tersebut yang telah difailkan pada 13 dan 14 September 2022. Pendengaran bagi permohonan ini telah diadakan pada 5 Disember 2022.

- (ii) Pada 24 Januari 2023, Mahkamah Luxembourg telah memberi keputusan yang berpihak kepada Kerajaan dengan mengetepikan perintah penahanan aset yang telah difailkan oleh pihak Penuntut tersebut.
- (iii) Walaupun Mahkamah Luxembourg telah melepaskan perintah penahanan yang terdahulu tetapi pihak Penuntut telah memasukkan permohonan yang baharu pada 14 Februari 2023 terhadap aset Petronas di Luxembourg.
- (iv) Selanjutnya, pada 9 Mac 2023, Kerajaan telah menerima perintah penahanan yang baharu terhadap tujuh (7) bank di Luxembourg bagi menahan aset Malaysia untuk tujuan penguatkuasaan *Final Award* tersebut.
- (v) Kerajaan Malaysia sedang mengambil tindakan bagi membatalkan perintah penahanan tersebut.

**BELANDA**

a) Permohonan pihak Penuntut dalam menguatkuasakan *Final Award* di Belanda

(i) Pada 6 Januari 2023, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri telah menerima serahan bagi permohonan pihak Penuntut dalam menguatkuasakan *Final Award* di Belanda. Mahkamah Belanda telah menetapkan tarikh pendengaran bagi permohonan pihak Penuntut tersebut pada 17 April 2023.

(ii) Dalam perkara ini, Jabatan Peguam Negara bersama peguam asing yang telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sedang menyediakan hujahan pembelaan bagi mencabar permohonan pihak Penuntut tersebut.

3. Kerajaan Malaysia akan terus mengambil semua langkah yang sewajarnya termasuk tindakan perundangan untuk menamatkan segala Tuntutan tersebut dan memastikan agar kepentingan, kekebalan kedaulatan dan kedaulatan Malaysia sentiasa dilindungi dan terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK**  
**CHEE**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang bakal diusulkan oleh pihak Kerajaan dalam menangani masalah generasi yang hilang (lost generation) yang masih belum menguasai kemahiran 3M (membaca, mengira dan mengeja).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan (KPM) amat memberi perhatian kepada pendidikan untuk semua dalam usaha merapatkan jurang pendidikan dan mengelakkan keciciran pembelajaran dalam kalangan murid. Bagi memastikan murid sekolah rendah menguasai literasi dan numerasi, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya ialah Program Pemulihan Khas. Murid yang telah dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas 3M ditempatkan di kelas pemulihan khas semasa mata pelajaran Bahasa Melayu atau Matematik diajar di kelas aliran perdana. Guru pemulihan dengan kerjasama guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik memberi bimbingan yang bersesuaian kepada murid sehingga mereka dapat menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi.

Pada peringkat sekolah rendah, KPM memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi atau *Primary Literacy and Numeracy* (PLaN) sejak 2020 untuk memastikan murid menguasai sekurang-kurangnya tahap minimum (Tahap Penguasaan 3) dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Pelaksanaan program ini adalah sebagai sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyeluruh untuk membantu memantapkan tahap penguasaan 3M. Modul latihan intervensi berfokus dan terbeza (MoLIB) dan *Schemes of Work* (SOW) juga disediakan untuk kegunaan guru bagi menangani isu penguasaan 3M dalam kalangan murid. Selain itu, PLaN juga menyediakan bahan bantu belajar murid serta item pentaksiran untuk menyokong pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

## **NO SOALAN: 26**

Selain itu, KPM juga mengadakan Program Bantu Baca bagi semua murid sekolah rendah memperkukuh kemahiran membaca. Program ini dilaksanakan secara kolaboratif melibatkan pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) yang menjalani latihan praktikum di sekolah, pelajar matrikulasi dan murid sekolah berasrama penuh dengan kerjasama komuniti setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM juga telah merancang untuk memugarkan semula pelaksanaan Program Bimbingan 3M (PROBIM) bagi murid sekolah menengah (kelas peralihan sehingga tingkatan 5) supaya murid dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira sebelum menamatkan persekolahan.

KPM yakin program intervensi dan langkah strategik yang dilaksanakan ini dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam 3M.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS  
TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK RAZALI BIN IDRIS** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pelan pemulihan dalam sektor pelancongan pasca COVID-19 yang terjejas teruk.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi meneruskan momentum pemulihan dan membangunkan industri ini agar lebih kukuh dan berdaya saing, Kementerian bersama-sama penggiat industri telah menambahbaik pelan pemulihan sedia ada, seterusnya merangka dan melaksanakan Rangka Kerja Pemulihan Pelancongan 2.0 atau TRF 2.0. Sebanyak lima (5) tonggak strategi telah dikenalpasti iaitu:

Tonggak 1: Menyokong Pemulihan Perniagaan Pelancongan dan Kebudayaan;

Tonggak 2: Memulihkan Keyakinan Pelancong dan Perjalanan Antarabangsa dan Intra-Rantau yang Lancar;

Tonggak 3: Mencipta Semula Produk/Perkhidmatan Pelancongan dan Kebudayaan Bagi Memacu Daya Saing;

Tonggak 4: Menyelaraskan Pelancongan Dengan Kemampuan dan Keterangkuman; dan

Tonggak 5: Memperkukuh Pemulihan Dengan Ketahanan Jangka Panjang dan Kesediaan Menghadapi Krisis.

2. TRF 2.0 ini merupakan strategi utama Kementerian untuk tempoh jangka pendek dan sederhana iaitu 2022 hingga 2025 yang menyokong Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030 bagi mencapai masa depan pelancongan yang seimbang, iaitu bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi malah memberikan manfaat sosio-ekonomi kepada semua tanpa meninggalkan sesiapa pun. Pada masa yang sama, pelancongan juga berperanan melindungi, memelihara dan memulihara alam semulajadi, budaya dan warisan negara demi kepentingan generasi kini dan akan datang.

3. Dengan pelaksanaan TRF 2.0 ini, negara telah berjaya menarik kedatangan seramai 10.07 juta pelancong asing serta menjana RM28.2 bilion pendapatan pelancongan pada tahun 2022 berbanding sasaran yang telah ditetapkan iaitu seramai 9.2 juta pelancong asing dan RM26.2 bilion pendapatan pelancongan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan bahawa dasar pembangunan luar bandar boleh diintegrasikan dengan strategi pembangunan sosio-ekonomi dan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan bahawa faedah pembangunan luar bandar dapat dikongsikan sama rata di seluruh negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah melancarkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) pada 27 Jun 2019. DPLB 2030 yang dirangka berdasarkan Rancangan Malaysia Kesebelas dan Matlamat Pembangunan Mampan, mengandungi sepuluh teras antaranya Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan, Prasarana, Belia, Wanita dan Tadbir Urus Berkesan.

DPLB 2030 mempunyai pelan tindakan yang khusus bagi mencapai wawasan “Luar Bandar yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik”. Pelan tindakan tersebut mengandungi 33 pernyataan dasar, 88 strategi dan 181 langkah tindakan yang dapat membantu membangunkan kawasan luar bandar, mempertingkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Strategi yang digariskan dalam DPLB 2030 turut diambil kira dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di bawah Bab 5- Menangani Kemiskinan dan Membangun Masyarakat Inklusif serta Bab 6- Mempertingkatkan Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah. Rujuk silang (cross reference) antara strategi yang digariskan dalam DPLB 2030 dengan RMKe-12 dan dasar-dasar lain menunjukkan KKDW tidak bertindak secara “silo” dalam agenda pembangunan luar bandar. Sebaliknya, KKDW sentiasa bekerjasama dengan Kementerian dan Agensi berkaitan, Kerajaan Negeri, ahli akademik, pihak swasta,

Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Perusahaan Sosial bagi pembangunan luar bandar yang menyeluruh dan bersepadu.

Di bawah DPLB 2030, terdapat beberapa strategi khusus yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Antaranya adalah untuk memperkasa aktiviti ekonomi yang berdaya saing dan berimpak tinggi, melengkapkan liputan prasarana luar bandar serta memperkasa komuniti luar bandar dengan pengetahuan dan kemahiran insaniah (soft skills) dan kemahiran teknikal (hard skills).

Penekanan turut diberikan kepada pembangunan luar bandar di Sabah dan Sarawak serta masyarakat Orang Asli. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada pembangunan belia dan wanita luar bandar supaya lebih progresif dan berdaya saing.

Semua strategi dan tindakan di bawah DPLB 2030 telah diterjemah kepada program-program yang dilaksanakan di KKDW dan agensi di bawah KKDW. Ini adalah termasuk:

- Pembinaan jalan dan jambatan;
- Penyediaan bekalan air dan elektrik; serta
- Pembinaan/ membaik pulih kemudahan ameniti sosial di kawasan luar bandar.

Selain itu, KKDW dan agensi turut melaksanakan program-program ekonomi dan keusahawanan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat desa serta mengurangkan kesenjangan pendapatan di antara penduduk bandar dan luar bandar. Antara program yang dijalankan adalah:

- Program Peningkatan Pendapatan;
- Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya;
- Program keusahawanan termasuk pembiayaan, latihan, bimbingan, pensijilan dan juga pendigitalan;

KKDW turut mempunyai program TVET@KKDW di bawah 280 institusi TVET dengan 529 program daripada peringkat sijil sehingga ke peringkat Doktor Falsafah. Program ini bertujuan untuk mewujudkan belia luar bandar yang berkemahiran tinggi dan boleh menjana pendapatan wajar bagi meningkatkan mobiliti sosial mereka. Kadar kebolehan pasaran graduan TVET@KKDW adalah 90.04%.

Kesemua program-program yang dilaksanakan oleh KKDW dapat merapatkan jurang pembangunan dan pendapatan antara bandar-luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L**  
**NACHIAPPAN**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam membenarkan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara bersasar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pendirian Kerajaan berhubung pengeluaran KWSP secara bersasar

Seperti yang dinyatakan semasa penggulungan perbahasan Belanjawan 2023 pada 9 Mac 2023 yang lalu, Kerajaan tidak mempertimbangkan pengeluaran tambahan daripada simpanan KWSP ahli seperti yang dilakukan semasa pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, KWSP telah diminta untuk meneliti mekanisme bagi memberi ruang kepada ahli yang terdesak untuk mendapatkan bantuan kewangan tunai dan mempunyai simpanan di dalam KWSP untuk mendapatkan pinjaman daripada bank berdasarkan amaun simpanan dalam Akaun 2 ahli. Perincian mekanisme berkaitan perkara ini akan dimaklumkan oleh KWSP kelak setelah diperhalusi bersama Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan pihak bank.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' AJIS BIN SITIN** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan akan dapat menyelesaikan kerja-kerja Ukur Tanah bagi keseluruhan 853 perkampungan Orang Asli yang diiktiraf di negara ini. Ini sangat penting bagi meyakinkan masyarakat itu bahawa kawasan tempat tinggal mereka adalah terjamin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited mengambil perhatian serius dalam usaha-usaha melaksanakan pengukuran tanah di kawasan penempatan Orang Asli iaitu melalui peruntukan pembangunan yang disediakan setiap tahun dan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Pelaksanaan Projek Kerja Ukur Tanah di Kawasan Penempatan Orang Asli ditumpukan kepada 853 buah perkampungan Orang Asli.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025), sebanyak 114 Kampung Orang Asli telah disenaraikan bagi kerja-kerja ukur perimeter untuk penandaan sempadan penempatan bagi tujuan permohonan pewartaan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan kerja ukur halus untuk kelulusan pewartaan.

Pada tahun 2022, JAKOA telah diluluskan peruntukan berjumlah RM8.0 Juta bagi tujuan kerja-kerja ukur tanah di kawasan penempatan Orang Asli. Sebanyak 38 buah kampung Orang Asli sedang dilaksanakan kerja-kerja ukur iaitu 30 Kampung Orang Asli Negeri Pahang, 3 Kampung Orang Asli di Negeri Perak, 2 Kampung Orang Asli di Negeri Sembilan, 2 Kampung Orang Asli di Negeri Melaka dan 1 Kampung Orang Asli di Negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS  
TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK NORAINI IDRIS** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar lepasan SPM pada tahun 2021 dari negeri Sabah yang telah memohon pinjaman PTPTN bagi melanjutkan pengajian di IPTA serta IPTS dan apakah alternatif pembiayaan pendidikan yang telah disediakan kepada pemohon PTPTN yang tidak menerima kelulusan permohonan pinjaman pendidikan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, berdasarkan kelulusan mulai Januari 2022 sehingga Februari 2023, terdapat seramai 11,532 orang pelajar dari Negeri Sabah telah diluluskan pinjaman pendidikan PTPTN.
2. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,902 adalah merupakan pelajar yang melanjutkan pengajian ke IPTA manakala baki 5,630 adalah merupakan pelajar yang melanjutkan pengajian di IPTS.
3. Berhubung dengan alternatif pembiayaan pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut menyediakan pelbagai bentuk penajaan kepada pelajar iaitu biasiswa atau dermasiswa dan bantuan kewangan.
4. Setiap program penajaan yang disediakan ini adalah berbeza merangkumi aspek jenis penajaan, kumpulan sasar, elemen penajaan, peringkat penajaan dan bidang pengajian.
5. Pelajar yang terdiri daripada orang awam yang berkelayakan berpeluang mendapat biasiswa untuk melanjutkan pengajian dari peringkat Diploma sehingga ke peringkat Ijazah Lanjutan melalui program seperti *MyBrain Science (MyBrainSc)*, Biasiswa Atlet Cemerlang IPT, Biasiswa Tokoh Siswa dan Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik.

## NO SOALAN: 31

6. Selain itu, KPT turut memberi fokus kepada golongan berpendapatan rendah terutamanya dalam kalangan keluarga B40 dan golongan berkeperluan khas.
7. Untuk golongan ini, bantuan-bantuan yang diberikan adalah menerusi Bantuan Kewangan Asasi (BKA), Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK), Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) dan Dermasiswa B40 TVET.
8. Selain itu juga, KPT turut menyediakan skim pembiayaan penuh pengajian kepada wakil pertama dari keluarga B40 di bawah Program SULUNG yang akan diperluas daripada hanya 8 Universiti Awam kepada semua 20 Universiti Awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. HAJJAH WAN MARTINA BINTI**  
**WAN YUSOFF**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DR. HAJJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang menjadi halangan untuk Kelantan menerima royalti sebagaimana perjanjian royalti tahun 1975 yang telah ditandatangani.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Ucapan Belanjawan 2023 oleh YAB Menteri Kewangan pada 24 Februari 2023, Kementerian Kewangan sedang dalam tindakan merangka semula dasar dan skop penggunaan Wang Ehsan kepada kedua-dua Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu supaya penggunaan dana tersebut dapat diselaraskan dengan agenda nasional bagi mengurangkan tahap kemiskinan untuk kedua-dua negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Merujuk kepada Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*] telah memperuntukkan bahawa petroleum yang didapati dan diperolehi (*won and saved*) dalam lingkungan tiga (3) batu nautika diukur daripada garis air surut merupakan hasil kepada negeri yang berkenaan. Namun, sehingga kini tiada petroleum yang diperolehi berdasarkan peruntukan *Akta 750* bagi negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Justeru itu, penyaluran Wang Ehsan/Bayaran Tunai hasil petroleum kepada Kerajaan Negeri Kelantan merupakan budi bicara Kerajaan Persekutuan dan disalurkan daripada Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) dan Akaun Amanah Wang Ehsan Negeri Kelantan (WENK).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN ROBERT LAU HUI YEW** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan pilihan raya Kerajaan tempatan bagi majlis-majlis bandar raya sebagai permulaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara kita mengamalkan Sistem Raja Berpelembagaan Demokrasi Berparlimen dan Kerajaan Perpaduan pada hari ini sentiasa menghormati hak rakyat untuk mengundi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejarah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah bermula pada tahun 1857 iaitu sejak 166 tahun yang dahulu. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya telah ditangguhkan pada tahun 1965 ekoran dari konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia, dan semenjak itu ia tidak pernah diteruskan lagi.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Kerajaan mengambil maklum Laporan Suruhanjaya Diraja, dengan izin *Report of the Royal Commission of Enquiry to Investigate into The Workings of Local Authorities in West Malaysia* yang diketuai oleh Senator Dato' Athi Nahappan pada tahun 1965 telah mengesyorkan bahawa:

(i) “...that the present system of election on the basis of ward **should continue** to provide representation to local government as in the past.”; dan

(ii) “...that voting in local government elections in the country **should continue** on the voluntary basis as has been hitherto.”

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Perpaduan pada hari ini melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang memberi tumpuan kepada tujuh (7) bidang fokus utama yang baharu iaitu:

- (i) membangun dan memperkasa peranan Kerajaan Tempatan;
- (ii) membangun potensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjana sumber pendapatan tambahan negara;
- (iii) perancangan perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing;
- (iv) pemeriksaan komuniti tanpa mengira kaum;
- (v) pengurusan sisa pepejal bersepadu yang lebih efektif dan efisien bagi menghasilkan pelaksanaan ke arah ekonomi kitaran;
- (vi) memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar ke arah perbandaran baharu; dan
- (vii) memperkukuh kesiapsiagaan kebombaan dan penyelamatan yang sejahtera

Bagi tahun 2023, KPKT akan memastikan perkhidmatan asas PBT diutamakan seperti jalan raya yang rata, tandas awam bersih bertaraf BMW iaitu bersih, menawan dan wangi, lampu yang terang serta longkang yang bersih sebagai misi utama untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Justeru itu, Pilihanraya Kerajaan Tempatan ketika waktu ini bukan satu perkara keutamaan pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN**  
**YAHAYA**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peratusan unit kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL yang disewa oleh golongan B40 mengikut pecahan Parlimen dan apakah langkah yang diambil DBKL untuk memastikan unit tersebut hanya disewakan kepada golongan B40 yang benar-benar layak.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah **41,868** unit adalah merupakan unit sewa di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setakat bulan Disember 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **31,245** unit merupakan golongan kategori B40 iaitu bersamaan **74.61%**.
2. Berdasarkan peratusan ini, dapatlah dirumuskan bahawa majoriti penghuni di kawasan perumahan PPR dan PA di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) terdiri daripada golongan B40 yang benar-benar layak dan masih berada di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan. Peratusan unit kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL yang disewa oleh golongan B40 mengikut pecahan Parlimen adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Parlimen</b>	<b>Jumlah Unit Sewa</b>	<b>Jumlah Unit Disewa Oleh B40</b>	<b>Peratus(%) Unit Sewa B40</b>
1	Bandar Tun Razak	8,024	6,504	81.06%
2	Cheras	5,027	3,183	63.32%
3	Titiwangsa	2,805	2,421	86.31%
4	Bukit Bintang	1,125	770	68.44%
5	Seputeh	7,087	3,992	56.33%
6	Lembah Pantai	4,031	2,622	65.05%
7	Segambut	TIADA PPR/PA DI BAWAH DBKL		
8	Batu	7,239	6,035	83.37%
9	Kepong	948	777	81.96%
10	Wangsa Maju	1,408	1,119	79.47%
11	Setiawangsa	4,174	3,822	91.57%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>41,868</b>	<b>31,245</b>	<b>-</b>

3. Bagi memastikan unit PPR dan PA ini ditawarkan kepada golongan B40 yang benar-benar layak DBKL melaksanakan proses berikut:

- a) Semasa pendaftaran permohonan kali pertama, DBKL membuat semakan terhadap pendapatan seisi rumah pemohon dan pasangan serta membuat semakan pemilikan harta pemohon dan pasangan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memastikan hanya pemohon yang pendapatan isirumahnya di bawah RM3,000.00 sebulan yang diluluskan.

- b) Selepas menyewa selama 3 tahun, ketua isirumah yang menyewa dikehendaki untuk membuat permohonan lanjutan tempoh penyewaan kepada DBKL. Penyewa perlu memenuhi syarat lanjutan tempoh perjanjian kontrak penyewaan perumahan PA/PPR iaitu pendapatan isi rumah hendaklah tidak melebihi RM5,880.00 sebulan berasaskan garis panduan Pendapatan Garis Kemiskinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2020.
- c) DBKL juga sentiasa melaksanakan pemantauan dan tinjauan secara berkala untuk memastikan penyewa adalah daripada golongan B40. Sekiranya ada yang bukan daripada golongan yang layak, tindakan di ambil oleh DBKL untuk meminta penghuni berkenaan keluar dari rumah PPR/PA tersebut. Tindakan yang berkaitan melibatkan beberapa proses seperti menamatkan perjanjian penyewaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Tempoh Penyewaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK DR. HAJI**  
**MOHAMED HANIFFA BIN HJ ABDULLAH**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**PROF. TAN SRI DATUK DR. HAJI MOHAMED HANIFFA BIN HJ ABDULLAH** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kriteria-kriteria utama termasuk bentuk penilaian, faktor kaum dan keupayaan untuk melaksanakan agenda pembangunan negara, yang telah ditentukan oleh Kerajaan bagi tujuan untuk melanjutkan atau memperbaharui pelantikan mana-mana individu bagi menerajui sebarang syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di negara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) adalah di bawah kuasa Kementerian Kewangan (MOF) melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] selaku pemegang saham, yang akan dilaksanakan dengan teliti dan menyeluruh. Pengerusi, ALP dan CEO dalam syarikat-syarikat MKD dilantik berdasarkan kepada kemampuan, kepelbagaian latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian (*fit and proper requirements*) dan mengambil kira keperluan syarikat itu sendiri bagi membolehkan Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat berkenaan beroperasi pada tahap yang optimum. Secara terperinci, pelantikan ini dibuat berdasarkan:

- i. Kelayakan pendidikan - Kriteria minimum bagi pelantikan seseorang calon ALP dan CEO adalah sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan akademik dan profesional lain yang setara;
- ii. Pengalaman berkhidmat dalam industri atau bidang berkaitan seperti perakaunan, kewangan atau perundangan; dan
- iii. Kepakaran yang bersesuaian contohnya dalam bidang-bidang seperti perdagangan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pemasaran, pengurusan atau kemahiran bidang khusus lain yang relevan dalam industri berkaitan yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat dan industri.

## NO SOALAN: 35

Ini adalah salah satu cara untuk meningkatkan keupayaan barisan kepimpinan ALP dan CEO syarikat MKD dengan memperluaskan serta mempelbagaikan lagi komposisi ahli-ahlinya daripada segi kemampuan, kepakaran dan pengalaman. Pengalaman sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor berkaitan adalah penting bagi memastikan *the right person with the right skills* (dengan izin) dipilih bagi memantapkan struktur Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada nilai personaliti individu dengan mengambil kira aspek-aspek integriti dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Perkara ini penting bagi memastikan komposisi Lembaga Pengarah dan pengurusan yang mantap ke arah memantau pencapaian prestasi syarikat serta memastikan tadbir urus syarikat terbaik sentiasa dipatuhi di samping menggalakkan kepelbagaian (*diversity*) di bawah *Malaysian Code of Corporate Governance (MCCG) 2021*.

Bagi syarikat MKD yang tersenarai di Bursa Malaysia, pencalonan seseorang individu sebagai Pengerusi/ALP/CEO syarikat akan melalui pertimbangan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (*Nomination and Remuneration Committee - NRC*) serta Lembaga Pengarah syarikat masing-masing. Setelah ianya diluluskan oleh NRC dan Lembaga Pengarah barulah calon tersebut dikemukakan untuk tapisan Suruhanjaya Sekuriti dan seterusnya dikemukakan kepada Bursa Malaysia untuk pengumuman.

Manakala bagi syarikat MKD yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia, pencalonan seseorang individu sebagai Pengerusi/ALP/CEO syarikat akan melalui pertimbangan NRC serta Lembaga Pengarah syarikat masing-masing.

Di samping itu, selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016, setiap calon ALP dan CEO bagi semua syarikat MKD perlu melalui beberapa tapisan sebagai prosedur (*requirement*) sebelum dilantik iaitu:

- i. tapisan keutuhan yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM);
- ii. semakan kebangkrapan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
- iii. semakan tindakan undang-undang oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan; dan
- iv. kelulusan verifikasi *fit & proper* oleh Bank Negara Malaysia (BNM) – bagi Institusi Kewangan Pembangunan (*Development Financial Institution* - DFI).

Tapisan tersebut merupakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan semenjak Akta Syarikat 1965 dipinda, digubal dan diluluskan oleh Parlimen sebagai Akta Syarikat 2016, sebagai sebahagian daripada usaha memperkemaskan tadbir urus pelantikan ALP dan CEO syarikat.

Bagi tujuan pelantikan semula ALP dan CEO, antara perkara yang akan diambil kira ialah umur, Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* - KPI), *peer rating* (bagi ALP) serta penilaian dan perakuan prestasi perkhidmatan setiap akhir tahun kewangan syarikat, di mana penilaian prestasi ini perlu dibuat berdasarkan KPI yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah (bagi CEO).

## NO SOALAN: 35

Kesimpulannya, pelantikan ALP dan CEO syarikat MKD bukan sekadar mengisi jawatan Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat sebaliknya disesuaikan berdasarkan keperluan setiap syarikat MKD dengan mengambil kira latar belakang dan kebolehan seseorang individu daripada pelbagai sudut bagi menganggotai Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat MKD. Justeru itu, hanya individu yang berkelayakan atau memenuhi kriteria *fit and proper* sahaja yang dilantik untuk menerajui Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat-syarikat MKD.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ**  
**IBRAHIM**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status operasi Pembersihan Awam dan Pengurusan Sisa Pepejal pasca banjir di beberapa lokasi yang dilanda musibah banjir baru-baru ini dan sejauh manakah tindakan Kerajaan dalam memastikan sisa lumpur dan sisa kerosakan akibat banjir diurus dengan baik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kerajaan negeri dalam melaksanakan pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal di lokasi yang dilanda musibah banjir.

Bagi negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah dan sedang melaksanakan operasi pasca banjir di empat (4) negeri yang terlibat, iaitu di negeri Pahang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan yang melibatkan 24 PBT. Sehingga 21 Mac 2023, sebanyak 656 kawasan yang terjejas akibat banjir telah dikenal pasti dan KPKT telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan yang merangkumi kerja-kerja pembersihan sisa banjir dan pembersihan longkang. Daripada itu, sebanyak 5,563.93 tan sisa banjir telah dibersihkan di kesemua 656 lokasi tersebut. Kerja-kerja pembersihan di kawasan-kawasan terbabit masih diteruskan sehingga semua sisa banjir dikeluarkan daripada kawasan yang terjejas.

## **NO SOALAN: 36**

Sisa-sisa lumpur dan sisa kerosakan akibat banjir yang dikeluarkan daripada kawasan terjejas ini akan diuruskan oleh pihak SWCorp melalui kontraktor-kontraktor yang dilantik untuk dilupuskan di kawasan-kawasan yang disediakan agar ia tidak mendatangkan sebarang masalah kepada penduduk setempat. Sisa-sisa lumpur dan sisa kerosakan akan dilupuskan di tapak pelupusan yang telah diwartakan oleh kerajaan yang mana ianya telah direkabentuk untuk menampung sisa isi rumah. Buat masa kini, tapak-tapak pelupusan di bawah seliaan SWCorp masih boleh menampung kapasiti sisa-sisa banjir yang dihantar. Sisa-sisa yang dihantar ke tapak pelupusan akan diratakan dan ditutup dengan lapisan tanah secara harian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN AK NAN A/L EHTOOK** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah peratus kemiskinan masyarakat Siam mengikut negeri dan apakah program - program yang boleh disertai oleh masyarakat Siam bagi meningkatkan dan mempelbagaikan pendapatan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agenda pembasmian kemiskinan dan pembangunan inklusif sentiasa menjadi tonggak penting dalam dasar pembangunan sosioekonomi negara. Malaysia telah menangani kemiskinan dengan ketara dan merapatkan jurang ketidaksamarataan dalam kalangan rakyat, tanpa mengira jantina, etnik, status ekonomi dan lokasi.

Sistem eKasih merupakan pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa 2019. Sistem ini adalah berdasarkan kepada pendaftaran dan verifikasi di lapangan seluruh negara. Maklumat kemiskinan daripada data eKasih dijadikan rujukan untuk program bantuan sosial dan kemiskinan supaya usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat lebih bersasar. Sehingga **28 Februari 2023**, rekod dalam Sistem eKasih menunjukkan bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan miskin warganegara Malaysia etnik Siam adalah seramai **864 orang**.

Bagi meningkatkan dan mempelbagaikan pendapatan, Kementerian Ekonomi telah melancarkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) pada 26 Februari 2023. Tujuan IPR ini adalah bersifat serampang dua mata iaitu meningkatkan keupayaan golongan miskin tegar, miskin serta B40 untuk menjana pendapatan yang mampan bagi mengatasi isu kos sara hidup yang semakin meningkat serta memperbaiki struktur ekonomi negara di peringkat akar umbi. Masyarakat etnik Siam yang berkeelayakan adalah

dialu-alukan untuk memohon menerusi laman sesawang IPR di [ipr.epu.gov.my](http://ipr.epu.gov.my).

Sebanyak 3 inisiatif rintis telah diperkenalkan iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Sasaran penjanaan pendapatan daripada 3 inisiatif ini bagi setiap peserta adalah RM2,000 dan ke atas.

Disamping itu, Belanjawan 2023 yang telah dibentangkan telah menggariskan pelbagai inisiatif dan program bagi mempelbagaikan pendapatan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuk masyarakat etnik Siam, antaranya:

- i. Menyediakan pelbagai program usahawan serta latihan dan bimbingan keusahawanan turut tersedia di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Institut Keusahawanan Malaysia dan SME Corp.
- ii. Menyediakan kemudahan pinjaman di bawah agensi seperti Bank Negara Malaysia, BSN dan TEKUN dengan dana yang tersedia berjumlah RM1.7 billion.
- iii. Meningkatkan had pelaburan ASB dan ASB2 daripada RM200,000 kepada RM300,000 untuk menggalakkan pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan dan mempelbagaikan pendapatan.

- iv. Menyediakan padanan pekerjaan, sokongan pendidikan, latihan dan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran dan keupayaan untuk menceburi bidang yang boleh menjana pendapatan.
- v. Menyedia tawaran 35,000 peluang kerjaya bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), latihan kemahiran di bawah HRD Corp serta insentif pengajian, selaras dengan usaha menggalakkan penyediaan pekerjaan melalui kerjasama awam-swasta.

Antara strategi jangka sederhana dan panjang untuk menangani kemiskinan adalah seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Ini termasuklah meningkatkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup golongan miskin, menambah baik akses kepada kemudahan dan perkhidmatan penting, mengukuhkan mekanisme penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan ketidaksamarataan antara isi rumah.

Dengan perancangan dan langkah yang strategik secara menyeluruh, Kerajaan yakin dapat melaksanakan langkah-langkah yang bersesuaian untuk meningkatkan dan mempelbagaikan pendapatan golongan miskin termasuk masyarakat etnik Siam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH**  
**BINTI MUSA**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan SOP yang dilakukan oleh pihak PDRM apabila mendapat situasi SCAM dimana pihak mangsa telah memberikan harta benda atau wang mereka kepada seseorang. Apakah benar pihak PDRM tidak mempunyai bidang kuasa dan hanya akan menyuruh pihak mangsa untuk menyaman pihak terlibat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Polis Diraja Malaysia menjalankan siasatan termasuk bagi kes-kes jenayah yang melibatkan *scam* berdasarkan Prosedur Operasi Standard (*Standard Operation Procedure, SOP*) yang ditetapkan dengan merujuk kepada Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), Buku Manual Siasatan Jenayah Komersil dan arahan-arahan terkini yang dikeluarkan oleh Pengarah JSJK dari semasa ke semasa.

Setiap laporan polis yang dibuat oleh pengadu/mangsa akan diteliti dan jika didapati wujudnya elemen pemerdayaan, tidak jujur dan kehilangan harta/wang, kertas siasatan akan dibuka untuk meneruskan siasatan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 107 hingga Seksyen 120 Kanun Prosedur Jenayah berkaitan Maklumat Kepada Polis dan Kuasa Untuk Menyiasat. Jika tiada elemen seperti berikut, laporan polis akan diklasifikasikan samada rujuk lain agensi (RLA), rujuk kepada mahkamah (RKM), tiada tindakan lanjut (TTL) atau didapati tiada kesalahan (DTK) mengikut situasi laporan polis / siasatan awal PDRM.

Sepanjang tahun 2022 sebanyak 131,146 laporan polis melibatkan jenayah komersil telah dirujuk kepada jabatan ini dan sebanyak 30,549 kertas siasatan telah di buka dan daripada jumlah ini, sejumlah 20,041 kes adalah melibatkan kes penipuan jenayah atas talian. Manakala tahun 2023 (Jan – Feb) 20,801 laporan polis telah diterima dan sebanyak 6,417 Kertas siasatan telah di buka dan 4,057 kertas siasatan adalah membabitkan kes penipuan atas talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkara, garis panduan serta ketetapan yang diambil kira oleh Kementerian dalam membina sebuah sukatan mata pelajaran yang progresif, kritikal dan holistik bagi pra sekolah di seluruh negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan kurikulum persekolahan yang digubal relevan dengan keperluan pembelajaran murid mengikut usia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, matlamat Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) adalah untuk memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. KSPK digunakan di semua prasekolah di bawah KPM serta agensi kerajaan yang turut mengendalikan pendidikan awal kanak-kanak termasuk Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Jabatan Kemajuan Masyarakat. Di samping itu, KSPK turut digunakan di tadika swasta yang berdaftar dengan KPM. KSPK bertujuan meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya. Murid diberi pengalaman persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna.

KSPK digubal berdasarkan prinsip amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. Kandungan KSPK adalah berasaskan enam tunjang iaitu Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains dan Teknologi dan Keterampilan Diri bagi

## **NO SOALAN: 39**

menyediakan murid untuk mengikuti pembelajaran pada peringkat sekolah rendah. Enam tunjang ini mewakili bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang menjadi asas kepada pembangunan modal insan. Kesepaduan antara tunjang menjadikan KSPK ini bersifat progresif dan holistik bagi membentuk murid berfikiran kritis dan kreatif bagi melahirkan insan yang seimbang dalam semua aspek.

KSPK mengambil kira aspirasi murid yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 bagi memenuhi keperluan negara. Pelaksanaan kurikulum ini memastikan setiap murid mampu menghadapi cabaran, menyelesaikan masalah, mempunyai keinginan belajar dan bersedia untuk meneruskan pembelajaran.

KPM yakin KSPK yang dihasilkan adalah progresif dan holistik bagi memenuhi keperluan pendidikan murid prasekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A. ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH** : **29 MAC 2023**

**DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kaedah pengambilan sampel air kumbahan di Pintu Masuk Antarabangsa terhadap pelancong dari negara China telah membantu kepada pengawalan penularan COVID-19 di negara ini dan apakah jaminan kaedah tersebut benar-benar efektif terutamanya dalam aspek pelaksanaan dan kos.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia telah mula menjalankan surveilan persekitaran COVID-19 menggunakan air kumbahan sejak Jun 2022. Ia bertujuan sebagai surveilan sokongan (*Supplementary Surveillance*) bagi COVID-19 sejajar dengan fasa peralihan ke endemik negara. Objektif surveilan ini bertujuan sebagai amaran awal melalui pengesanan kehadiran virus SARS-CoV-2 dalam sampel air kumbahan, memberi gambaran trend kepekatan virus SARS-CoV-2 dan mengenal pasti varian SARS-CoV-2 yang terdapat dalam komuniti serta memantau keberkesanan intervensi kawalan COVID-19 secara amnya. Ia melibatkan sampel dari Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) serta lima belas lokasi sentinel bagi mewakili setiap negeri di Malaysia.
2. Bagi sampel dari PMA, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan penilaian risiko secara berterusan bagi mengenalpasti negara-negara yang berisiko termasuklah negara China. Penjujukan genom (*Whole Genome Sequencing – WGS*) adalah satu ujian untuk mengesan varian ataupun mutasi baru. Secara keseluruhan penjujukan genom dapat menyediakan data terperinci dan tepat untuk mengenal pasti wabak dengan lebih awal sekaligus dapat membantu KKM dalam mengesan subvarian baru yang berpotensi menular di Malaysia. Susulan itu, KKM dapat menjalankan langkah-langkah pencegahan dan kawalan serta bersiap sedia menghadapi cabaran gelombang baru jangkitan yang boleh berlaku pada bila-bila masa yang mungkin dilalui dalam fasa 'hidup bersama penyakit COVID-19' ini.

3. Secara amnya semua air kumbahan kapal terbang akan dibawa keluar dari kapal terbang melalui trak lavatori to fasiliti pembuangan sisa kumbahan (*lavatory truck ke aircraft waste disposal facilities - AWDF*) dan proses ini diselaraskan oleh pihak penyedia perkhidmatan penerbangan darat (*Airport Ground Handler*). Proses persampelan air kumbahan ini dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (PK KLIA) dengan kerjasama pihak pengurusan air kumbahan KLIA sebelum air kumbahan ini dilepaskan ke AWDF. Sampel-sampel ini kemudiannya dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) bagi proses pengujian. Ujian yang dijalankan di MKAK termasuklah pengesanan virus SARS COV 2 dan penjujukan genom.
4. Sejak Januari 2023, sebanyak lapan (8) sampel air kumbahan kapal terbang dari negara China telah diambil oleh PK KLIA dan pengujian sampel dijalankan di MKAK. Enam (6) daripada lapan (8) sampel (75%) ini didapati positif Omicron di mana ujian jujukan genom selanjutnya mendapati positif bagi subvarian BA 2, BA.2.75, BF. 7, BA 4.6, BQ, XBB.1.5 dan XBB. Berdasarkan kepada keputusan subvarian yang dikenalpasti ini, KKM akan terus memantau trend peningkatan jangkitan klinikal COVID-19 dalam kalangan komuniti.
5. Sejajar dengan saranan penjimatan kos oleh Kerajaan, KKM telah menjalankan analisis kos ujian surveilan persekitaran di mana hasil analisa ini mendapati ujian persekitaran secara pukal adalah lebih kos efektif berbanding dengan ujian tunggal. Maka MKAK melakukan ujian sampel air kumbahan dari Pintu Masuk Antarabangsa secara pukal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN**  
**HAMZAH**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menangani gejala penyebaran berita palsu di sosial media yang membahayakan pemikiran pengguna yang kurang membuat kajian.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) komited dan sentiasa bekerjasama secara kolektif dengan jabatan dan agensi di bawahnya dalam mencegah dan menyekat penularan maklumat serta kandungan palsu di media sosial bagi menjamin keharmonian dan ketenteraman awam di negara ini. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) Penguatkuasaan undang-undang di bawah perundangan sedia ada seperti Seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588];
- (ii) Kolaborasi yang telah sedia terjalin dengan pihak platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Google* dan lain-lain sentiasa diperkukuh dan diperkasakan terutamanya dalam usaha menurun atau memadamkan kandungan yang menyalahi peruntukan undang-undang sedia ada. Dari tahun 2021 sehingga Januari 2023, sebanyak 458 kandungan meliputi berita dan kandungan palsu telah diturunkan di platform media sosial. Ini selari dengan piawaian komuniti yang ditetapkan oleh pihak platform media sosial yang berpangkalan di luar negara;

- (iii) Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan oleh SKMM dan portal mycheck.my oleh BERNAMA membantu dalam memberikan maklumat atau peringatan bagi memupuk kewaspadaan orang ramai terhadap aktiviti penipuan dan cubaan penipuan dalam talian. Sejak pelancarannya sehingga 31 Januari 2023, portal Sebenarnya.my secara purata telah menerima 4.5 juta “hits” setiap bulan dan sebanyak 1,226 artikel berhubung berita palsu telah pun diterbitkan di portal Sebenarnya.my dalam tempoh yang sama. Secara purata portal mycheck.my telah menerima hampir 30,000 *pageviews* setiap bulan.
  
- (iv) Program advokasi sedia ada seperti Klik Dengan Bijak (KDB) dan Malaysia ICT Volunteer (MIV) bagi mempromosikan penggunaan Internet secara berhemah dan bertanggungjawab bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial;
  
- (v) Task Force Menangani Berita Palsu yang berfungsi bagi memantau berita palsu yang mempunyai kesan negatif terhadap sistem politik, ekonomi, sosial, agama, budaya, keselamatan dan kedaulatan negara. Sejak penubuhan Task Force, KKD telah mengesan sebanyak 104 berita yang tidak ditentukan kesahihannya yang melibatkan isu 3R (*Royalty*, *Religion* dan *Race*) dan YAB Perdana Menteri serta Pentadbiran;

## **NO SOALAN: 41**

- (vi) Perkongsian maklumat secara berterusan di semua platform media sosial rasmi Jabatan Penerangan (JaPen) dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan BERNAMA untuk mendidik masyarakat supaya sentiasa bertanggungjawab dalam memastikan kesahihan maklumat yang diterima menerusi infografik dan videografik. Dengan cara ini, rantaian berita palsu akan dapat diputuskan dan tidak akan disebarluaskan; dan
  
- (vii) Penerbitan Pesanan Khidmat Awam (PKA) berkaitan isu fitnah dan berita palsu diterbitkan oleh FINAS berdurasi satu minit bertajuk 'Cegah Berita Palsu' ditayangkan di semua stesen televisyen tempatan mulai 31 Disember 2022 selama setahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI**  
**MOHD RADZI**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh TEKUN kepada peniaga OKU sejak 2012-2022 dan apakah inisiatif yang akan dilakukan oleh Kementerian bagi meningkatkan penglibatan OKU dalam aktiviti perniagaan dan PKS.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Seiring dengan agenda pembangunan keusahawanan yang inklusif, Kementerian ini terutamanya melalui TEKUN Nasional telah mengadakan kerjasama strategik dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi meningkatkan penglibatan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam bidang perniagaan seperti berikut:
  - (i) TEKUN Nasional telah menyediakan kemudahan pembiayaan kepada OKU dari tahun **2012 sehingga 2022**, dengan nilai **pembiayaan sebanyak RM15.8 juta kepada 1,417 usahawan OKU**. Pembiayaan yang ditawarkan ini adalah dari **RM1,000 sehingga RM100,000 dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun dan kadar keuntungan dikenakan sebanyak 4% setahun**;
  - (ii) Pada Ogos 2022, skim kemudahan pembiayaan kepada OKU telah ditambah baik di mana usahawan hanya dikenakan **kadar keuntungan sebanyak 2% setahun sahaja dengan moratorium selama 12 bulan bagi pembiayaan sehingga RM10,000**. Seramai 23 usahawan OKU dengan pembiayaan bernilai RM162,000 telah mendapat manfaat melalui skim ini; dan

- (iii) Kementerian ini juga telah melaksanakan **Program Usahawan Berkebolehan dan Berkeyakinan (CARE - Capable and Reliable Entrepreneur)** sejak tahun 2021 di mana sebanyak **RM790,000 telah** diperuntukkan untuk memberi latihan, bimbingan dan geran perniagaan kepada golongan OKU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMADFATMI BIN**  
**CHE SALLEH**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan ataupun status berkenaan pembinaan pembesaran jambatan Rantau Panjang - Sg.Golok.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, projek Menaik Taraf Jambatan Menghubungkan Rantau Panjang, Kelantan, Malaysia Dan Sungai Kolok, Narathiwat, Thailand telahpun diluluskan pada Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Status terkini projek adalah di peringkat penyelarasan dan perbincangan teknikal bersama antara Malaysia dan Thailand bagi memuktamadkan rekabentuk dan kaedah perolehan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ**  
**IBRAHIM**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah premis yang mengambil bahagian dalam menyediakan menu rahmah dan apakah mekanisma lain untuk membendung kenaikan harga barang dan kawalan kos sara hidup.

**JAWAPAN**

**MENU RAHMAH:**

**Yang di-Pertua,**

Pada 31 Januari 2023, kementerian telah melancarkan Inisiatif Menu Rahmah bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat terutamanya untuk mendapatkan makanan dimasak dengan harga yang berpatutan.

Sejak dilancarkan, ianya telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada kalangan pengusaha makanan dan minuman di seluruh negara. Sehingga 28 Mac 2023 sebanyak 1,531 pengusaha makanan dan minuman telah mendaftar dalam Portal Menu Rahmah dan menawarkan Menu Rahmah kepada pengguna pada harga RM 5.00. Kementerian percaya ada lebih banyak lagi pengusaha-pengusaha makanan dan minuman yang menawarkan Menu Rahmah walaupun tidak mendaftar dibawah kementerian kerana tiada syarat untuk mendaftar dikenakan. Pendaftaran tersebut adalah bertujuan untuk mempromosi premis-premis yang menawarkan Menu Rahmah.

Pihak Kerajaan sedar bahawa peningkatan kos sara hidup pada masa ini sering dikaitkan dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di samping pergerakan gaji ataupun pendapatan yang agak perlahan. Bagi menangani kos sara hidup secara tuntas dan menyeluruh, Kementerian ini telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif yang tidak lain tidak bukan bagi membantu menstabilkan semula kos sara hidup rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos sara hidup yang membelenggu rakyat pada ketika ini bukanlah hanya masalah ekonomi semata, namun ianya mempunyai cabaran yang melibatkan pelbagai dimensi termasuklah yang bersifat struktural dan tidak hanya melibatkan B40 semata, namun golongan lain seperti M40 dan T20 juga dilihat terkesan. Dalam hubungan ini, inisiatif yang dirangka oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri telah mengambil beberapa pendekatan sebagai langkah proaktif bagi mengurangkan kos sara hidup.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagaimana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelbagai inisiatif dan tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup telah dibawa ke pengetahuan serta diputuskan oleh Jemaah Menteri sebagai komitmen berterusan Kerajaan. Antara perkara tersebut adalah:

- (i) Jemaah Menteri bersetuju pada 14 Disember 2022 yang lalu bahawa **subsidi elektrik** bagi pengguna domestik, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), industri dalam sektor pertanian serta beberapa industri terpilih lain terus diberikan sehingga Disember 2023 yang secara tidak langsung dapat mengawal harga barangan berunsur makanan yang dikenakan kepada pengguna;
- (ii) Jemaah Menteri juga bersetuju **subsidi ayam dan telur ayam** diteruskan sehingga Jun 2023;

- (iii) Jemaah Menteri bersetuju dengan pelaksanaan **inisiatif Payung Rahmah** sebagai pelan jangka pendek KPDN yang merangkumi lima (5) program utama bagi membantu golongan rentan antaranya Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Pakej Rahmah, Kafe Rahmah dan Menu Rahmah:
- a. **Bakul Rahmah** adalah inisiatif yang menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100. Barangan keperluan yang dikenal pasti adalah beras, gula, minyak masak, tepung, susu pekat, mihun dan telur yang akan disumbangkan oleh rakan strategik kepada kumpulan sasar pada setiap bulan;
  - b. **Jualan Rahmah** adalah inisiatif program jualan murah sepanjang tahun 2023 oleh pasaraya besar dan pasaraya. KPDN juga boleh memberi permit Notis Jualan Murah (NJM) bagi Jualan Rahmah sehingga maksimum 4 bulan berbanding 1 bulan pada masa sekarang;
  - c. **Pakej Rahmah** adalah inisiatif yang menyokong Niaga Rahmah yang mana pemain industri menyediakan pelbagai jenis pakej dengan pengurangan harga sekurang-kurangnya 30 peratus daripada harga *Recommended Selling Price* (RSP) dengan harga minimum RM50 dan tidak kurang daripada 3 item dalam satu pakej;

- d. **Kafe Rahmah** adalah bertujuan untuk memberikan hidangan makanan percuma kepada pelajar Universiti Awam (UA) yang memerlukan. Kafe Rahmah ini merupakan inisiatif berbentuk tanggungjawab sosial korporat oleh pengusaha-pengusaha restoran dan terbuka kepada mana-mana pihak lain yang berminat; dan
- e. **Menu Rahmah** seperti yang Ahli Berhormat sedia maklum, ia merupakan usaha besar oleh peniaga dengan memberikan pakej makanan pada harga maksimum RM5 untuk membantu golongan yang memerlukan bagi mendapatkan makanan bermasak yang mampu bayar.
- (iv) Memperluas **Program Community Drumming** ke kawasan baharu antaranya Paloh dan Passin, Sarawak, Pasir Raja, Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, program ini merupakan inisiatif Kerajaan untuk menampung kos pengangkutan dan pengedaran bagi tujuh (7) barangan keperluan seperti beras, gula, minyak masak, tepung, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON95 dan diesel bagi memastikan bekalan yang mencukupi di luar bandar serta memastikan rakyat di luar bandar ini dapat membeli barangan kawalan pada harga berpatutan seperti mana di bandar;
- (v) KPDN telah menjalankan **tindakan penguatkuasaan** melalui pemeriksaan harga di premis makanan seperti Ops Catut, Ops Samar dan Ops Menu untuk melindungi hak pengguna dan pelanggan daripada aktiviti tidak bertanggungjawab peniaga yang mencatut harga sesuka hati;

- (vi) Kerajaan juga telah bersetuju untuk meneruskan **pemberian subsidi minyak masak paket** yang terbuka kepada semua golongan untuk mendapatkan minyak masak berpatutan dan berkualiti pada harga RM2.50 per paket; dan
- (vii) **Penetapan harga siling bergerak** bagi minyak masak sawit kemasan botol juga diteruskan. Ini bagi menstabilkan permintaan dan harga minyak masak sawit kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selain itu, keputusan berkaitan dengan harga dua peringkat atau *two-tier pricing* bagi minyak masak sawit kemasan botol juga sedang diperincikan oleh Kementerian Peladangan dan Komoditi (KPK), inisiatif berkaitan meningkatkan pengeluaran pertanian terutamanya bagi komoditi ayam dan telur ayam serta Jualan Terus Dari Ladang oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga sedang diambil tindakan bagi membantu rakyat mendapatkan barangan makan terutamanya bagi golongan B40.

Pada masa yang sama KPDM turut melaksanakan dua (2) Bengkel Kos Sara Hidup berkaitan dengan inisiatif yang boleh dilaksanakan negara dan subsidi bersasar. Kerajaan akan mengumumkan langkah-langkah jangka pendek dan sederhana yang melibatkan program sedia ada dan baharu dalam membantu terus rakyat daripada golongan sasar. Akhirnya, dalam tempoh enam (6) hingga 12 bulan Kerajaan dapat memperincikan semula hala tuju jangka panjang terutamanya berkaitan dengan pendapatan dan pelaksanaan subsidi dengan lebih efektif dan efisien.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN  
TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK BOBBEY BIN SUAN** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah jangka panjang bagi mengawal selia harga sawit Malaysia sebagai produk kawalan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengawal selia harga sawit Malaysia sebagai produk kawalan Kerajaan. Hal ini kerana harga sawit di pasaran dipengaruhi oleh faktor asas (*fundamental factor*) dan sentimen pasaran (*market sentiment*) yang mana sentiasa berubah berdasarkan permintaan (*willing seller, willing buyer*). Antara faktor asas yang sentiasa mempengaruhi pergerakan harga minyak sawit mentah (MSM) adalah bekalan minyak sawit dan permintaan terhadap minyak sawit itu sendiri (*supply and demand*). Bekalan minyak sawit yang rendah dan permintaan eksport yang tinggi akan menyumbang kepada peningkatan harga minyak sawit di pasaran. Selain itu, peningkatan harga minyak kacang soya dan minyak mentah Brent juga akan menyumbang kepada peningkatan harga MSM kerana harga kedua-dua produk bergerak seiringan di pasaran.
2. Selain itu, Kementerian juga sentiasa berusaha bagi memastikan harga MSM kekal stabil pada masa hadapan dengan mengambil langkah-langkah strategik seperti berikut:
  - i) Melancarkan kontrak niaga hadapan MSM khusus untuk Malaysia Timur melalui kerjasama dengan Bursa Malaysia yang dikenali sebagai *East Malaysia Crude Palm Oil Futures* (FEPO) atau Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Malaysia Timur. Instrumen ini dijangka dapat mewujudkan mekanisme harga MSM yang lebih baik;

**NO SOALAN: 45**

- ii) Meningkatkan permintaan terhadap minyak sawit dan produk berasaskan sawit melalui pengukuhan pasaran sedia ada seperti di Pakistan, Turkiye, negara-negara ASEAN dan sebagainya dan penerokaan pasaran baharu seperti ke Benua Afrika, negara Timur Tengah dan Benua Amerika; dan
- iii) Memperkukuh kerjasama strategik bersama Indonesia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC) bagi memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil. Selain itu, kerjasama ini membolehkan perancangan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti untuk memperkukuhkan harga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berhubung dengan Perjanjian Komprehensif dan Progresif Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang dikatakan memberi implikasi besar terhadap sektor pertanian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian CPTPP secara keseluruhannya, tidak memberi implikasi besar kepada sektor pertanian. Malah Perjanjian CPTPP menjamin hak dan kepentingan para petani tempatan kerana ianya merupakan satu-satunya Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang disertai Malaysia yang mengiktiraf isu keterjaminan makanan (*food security*). Ini bermaksud antara lain, Kerajaan berhak melaksanakan larangan eksport sementara bagi produk barangan makanan agar produk barangan makanan mencukupi untuk kegunaan oleh penduduk di negara ini, sekaligus menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa Perjanjian CPTPP tidak membenarkan Kerajaan melaksanakan larangan eksport barangan makanan asas seperti ayam.

Selain itu, Perjanjian CPTPP tidak akan menjejaskan program-program bantuan Kerajaan termasuk subsidi kepada petani untuk tujuan eksport. Subsidi sedia ada seperti subsidi minyak (*fuel subsidies*), baja serta pembaikan dan penaiktarafan kapal (bagi nelayan kecil dan *artisanal*) masih boleh terus diberikan kepada para petani dan nelayan tempatan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Perjanjian CPTPP juga tidak akan mengakibatkan penghapusan menyeluruh duti import bagi barangan pertanian secara mendadak. Ini adalah kerana Malaysia telah diberikan fleksibiliti tempoh pelaksanaan yang lebih panjang (*longer staging period*), iaitu 16 tahun bagi tujuan

pengurangan dan penghapusan duti import, termasuk bagi barangan pertanian. Berdasarkan Indeks Kebergantungan Import bagi tahun 2016-2020 yang dikeluarkan oleh DOSM, 50 peratus daripada keperluan tempatan seperti kelapa, daging kambing serta daging lembu dipenuhi melalui sumber import. Justeru, kemasukan barangan pertanian dan makanan import yang lebih banyak ke Malaysia, pada kadar duti berkeutamaan (*preferential duty*) di bawah CPTPP, akan memberikan pilihan produk yang lebih meluas kepada rakyat dengan harga yang kompetitif di samping membantu Kerajaan dalam menangani masalah kenaikan harga barang makanan.

Satu lagi implikasi besar yang didakwa akan terhasil dari pelaksanaan CPTPP adalah penafian terhadap hak petani untuk berkongsi dan menjual benih. Ingin ditegaskan bahawa perundangan domestik sudahpun tersedia di dalam negara yang mengiktiraf hak pembiak baka (*breeders' rights*) sebelum pelaksanaan Perjanjian CPTPP lagi. Akta Perlindungan Varieti Tumbuhan Baharu 2004 di Malaysia sememangnya mengandungi peruntukan yang serupa dengan *International Union for the Protection of New Varieties of Plants (UPOV)* 1991 yang merangkumi skop hak pembiak baka serta kuasa untuk membatalkan pemberian hak pembiak baka sekiranya pemohon tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan termasuklah jika ianya bertentangan dengan kepentingan awam.

Satu lagi implikasi yang dikaitkan dengan pelaksanaan CPTPP adalah penafian hak nelayan untuk menangkap spesis ikan tertentu. Perlu diingatkan bahawa larangan ini hanya melibatkan aktiviti tangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak terkawal sahaja (*Illegal, Unreported, Unregulated* - IUU). Penentuan mengenai jenis ikan yang

## **NO SOALAN: 46**

boleh ditangkap oleh nelayan di perairan negara ditentukan oleh Jabatan Perikanan, atas sebab-sebab kelestarian alam sekitar dan bukannya di atas penyertaan Malaysia di dalam CPTPP. Dalam erti kata lain, Malaysia bebas menentukan jenis dan saiz ikan tertentu yang boleh ditangkap oleh nelayan, syarat yang tidak dapat diubah oleh CPTPP.

Di samping itu, Malaysia telahpun membuat komitmen di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi melarang sebarang pemberian subsidi yang boleh menyumbang kepada tangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak terkawal (IUU), di mana komitmen tersebut bukannya perkara baharu bagi Malaysia.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, Perjanjian CPTPP tidak memberi implikasi negatif kepada sektor pertanian seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Sebaliknya, Perjanjian CPTPP bukan hanya memelihara hak dan kepentingan para petani tetapi ianya juga dapat memelihara kelangsungan hidup petani keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah pihak Kerajaan akan meneruskan projek pembinaan takungan air yang dikenali Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di Machang, Loji Rawatan Air (LRA) dan juga pemasangan paip bagi mengurangkan kadar Air Tidak Terhasil (NRW) dalam menangani isu air Negeri Kelantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) berkapasiti 500 juta liter sehari (JLH) di Mukim Joh Labok, Machang, Kelantan di bawah *Rolling Plan* 3, Rancangan Malaysia ke 12 (RP3 RMKe-12) dengan peruntukan sebanyak RM630 juta. Pelaksanaan fizikal projek ini dijadualkan bermula pada suku keempat, tahun 2024 dengan tempoh pembinaan selama 3 tahun dan dijangka siap pada 2027. Projek ini dijangka mampu menyediakan air mentah yang mencukupi untuk diproses bagi membekalkan air terawat kepada pengguna di kawasan Kelantan Utara.

2. Selain daripada itu, pihak Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) juga sedang melaksanakan kerja menaiktaraf kapasiti loji rawatan air (LRA) Merbau Chondong daripada 40 JLH kepada 90 JLH di bawah Tempoh Operasi ke-4 OP4 (2021-2023) melalui pinjaman Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) berjumlah RM28 juta. Kerja naik taraf ini dijangka siap pada Disember 2026.

3. Manakala di bawah Program Pengurangan NRW Kebangsaan Pendekatan 1, RM69.18 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Negeri Kelantan. Pakej 1 bagi kerja-kerja penggantian meter *system input volume* (SIV), Meter Pengguna dan Pemetaan GIS untuk mendapatkan bacaan NRW tepat telah siap, dan diserahkan kepada AKSB pada Mac 2023. Manakala Pakej 2 melibatkan kerja-kerja penggantian dan pembaikan tangki air dijangka siap pada Oktober 2023.

**NO SOALAN: 47**

4. Bagi mengatasi kehilangan air secara fizikal disebabkan oleh kekerapan kebocoran pada paip agihan yang lama dan uzur, AKSB telah dan sedang melaksanakan projek penggantian paip lama jenis *Asbestos Cement* (AC) sepanjang 4,006km di seluruh Kelantan secara berfasa. Status semasa projek yang diperuntukkan menerusi pinjaman PAAB sebanyak RM301 juta adalah seperti berikut:

<b>No.</b>	<b>Senarai Projek</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Status</b>
1	Program penukaran paip 2018	PAAB	Enam pakej telah siap pemasangan paip sepanjang 90.55km dan satu pakej sepanjang 95.36km lagi sedang dalam proses penyediaan tender.
2	Program penukaran paip 2019	PAAB	Pakej 1 & Pakej 2 dalam pembinaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L**  
**NACHIAPPAN**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji untuk menurunkan kadar OPR khusus bagi membantu rakyat dalam mengurangkan beban hutang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan memahami keresahan rakyat yang terbeban untuk melunaskan ansuran bulanan yang semakin meningkat berikutan pelarasan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sehingga mencecah tahap 2.75 peratus sehingga kini.

Baru-baru ini, Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee-MPC*) pada 8 hingga 9 Mac 2023 telah memutuskan untuk mengekalkan OPR pada tahap 2.75 peratus iaitu kadar sama yang turut dicatatkan semasa Mesyuarat MPC yang pertama pada 18 dan 19 Januari 2023. Keputusan tersebut dibuat bagi menilai kesan pelarasan kumulatif OPR pada tahun lalu terhadap prospek inflasi dan ekonomi Malaysia memandangkan kesan penuh pelarasan OPR terhadap pengurangan tekanan permintaan daripada perubahan tingkah laku isi rumah dan perniagaan akan mengambil masa berikutan kesan sela masa (*lag effect*) dasar monetari.

Dalam hal ini, MPC akan terus meneliti maklum balas daripada hasil pengawasan dan pemantauan, analisis dan kajian berterusan yang merangkumi ekonomi global dan domestik, harga serta keadaan monetari dan kewangan secara menyeluruh termasuk impak kenaikan OPR kepada peminjam. Tidak dinafikan peningkatan kadar OPR akan memberi kesan kepada peminjam, terutamanya yang mempunyai pinjaman jenis berkadar terapung. Semua perkara ini akan dipertimbangkan dan diperhalusi oleh MPC sebelum mesyuarat seterusnya pada 2 hingga 3 Mei 2023.

## NO SOALAN: 48

Apa yang lebih penting adalah mandat MPC untuk merumuskan dasar moneteri secara autonomi dan objektif agar keputusan mengenai kadar dasar diambil demi kepentingan ekonomi secara menyeluruh dalam jangka panjang. Hal ini termasuk mengelakkan turun naik kitaran melampau (*boom and bust cycle*) dalam ekonomi yang hanya akan menimbulkan kesan negatif ke atas kesejahteraan rakyat dan sektor perniagaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan menerusi BNM akan terus membantu golongan peminjam mudah terjejas (*vulnerable groups*) termasuk kumpulan berpendapatan lebih rendah dan sektor perniagaan yang lebih terjejas akibat pandemik COVID-19 yang masih menghadapi kesukaran akibat kenaikan jumlah ansuran pinjaman dengan menawarkan pelbagai program bantuan. Bantuan tersebut termasuk kemudahan bawah Dana BNM untuk PKS, bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar oleh bank, serta khidmat nasihat dan bantuan di bawah pelbagai program AKPK untuk isi rumah dan PKS iaitu Program Pengurusan Kredit (PPK) dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L**  
**RENGANATHAN**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini sekolah-sekolah yang amat daif yang akan mendapat peruntukan segera oleh Kementerian Pendidikan mengikut negeri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di seluruh negara.

KPM telah diluluskan sebanyak 920 projek menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah di seluruh negara berjumlah RM4.816 bilion. Khusus di Semenanjung Malaysia sebanyak 277 projek menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah telah diluluskan dengan kos sebanyak RM697 juta. Sehingga 24 Mac 2023, status terkini pelaksanaan projek adalah 235 projek telah siap sepenuhnya, 4 projek di peringkat pembinaan, 38 projek di peringkat pra bina.

Di negeri Sarawak pula, KPM telah diluluskan sebanyak 361 projek membangunkan semula bangunan daif di sekolah dengan kos sebanyak RM2.157 bilion. Sehingga 24 Mac 2023, status terkini pelaksanaan projek adalah 221 projek telah siap sepenuhnya, 53 projek di peringkat pembinaan dan 87 projek lagi di peringkat pra bina.

Dalam tempoh yang sama, KPM telah diluluskan sebanyak 282 projek membangunkan semula bangunan daif di sekolah di negeri Sabah dengan kos sebanyak RM1.962 bilion. Sehingga 24 Mac 2023 status terkini pelaksanaan projek adalah 210 projek telah siap sepenuhnya, 29 projek di peringkat pembinaan dan 43 projek lagi di peringkat pra bina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah kos siling paling rendah bagi pembinaan rumah tiga bilik tanpa kos infrastruktur dan nyatakan cadangan di manakah ianya akan dimulai untuk direalisasikan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos sesebuah pembangunan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) bergantung kepada faktor lokasi, logistik, material, keadaan tapak tanah, kerja-kerja luar dan *works outside boundary*, di samping keperluan kemudahan gunasama, infrastruktur dan utiliti. Kos pembangunan ini akan terpakai kepada semua PPR yang sedang dan dalam perancangan.

Sehingga kini, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih mengambil kira keperluan infrastruktur dalam hala tuju pembangunan projek PPR memandangkan ianya adalah sebahagian daripada skop projek. Di samping itu, setiap perancangan projek-projek PPR perlu menyediakan kemudahan asas bagi memastikan perumahan yang disediakan lebih mesra penghuni dan berdaya huni dengan mengutamakan empat (4) elemen iaitu *liveability, connectivity, sustainability and good community*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**TUAN ROBERT LAU HUI YEW** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah strategi am pelan tindakan tempoh segera, jangka sederhana dan jangka panjang yang dibuat oleh Kerajaan dalam menggalakkan pelaburan dalam sektor digital secara amnya dan pusat data khususnya di Sarawak dalam jangka masa lima tahun selepas ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) menerusi Malaysia *Digital Economy Corporation* (MDEC) yang bertindak sebagai agensi promosi pelaburan digital negara, mempunyai perancangan strategik dalam menarik pelaburan digital bernilai tinggi sejajar dengan aspirasi Malaysia Digital yang menyasarkan pencapaian pelaburan diluluskan mencecah RM49 bilion dan mewujudkan 49,000 pekerjaan baharu menjelang 2025.

Melalui inisiatif Malaysia Digital, usaha sedang giat dijalankan untuk menarik pelaburan yang akan memacu ekosistem digital negara dalam sembilan sektor yang digalakkan iaitu perdagangan digital, pertanian digital, perkhidmatan digital, bandar digital, kesihatan digital, kewangan digital, kandungan digital, pelancongan digital dan ekonomi digital Islam, serta 10 pemboleh teknologi termasuk pusat data dan awan, keselamatan siber, internet pelbagai benda, blok rantai, kecerdasan buatan dan analitis data raya.

Bagi menggalakkan pelaburan digital ke seluruh negara yang memanfaatkan semua negeri di Malaysia, MDEC sedang giat menjalankan kerjasama dengan pelbagai agensi promosi pelaburan di peringkat negeri termasuk Sarawak. Di samping itu, dalam usaha untuk meningkatkan kerjasama yang lebih erat dengan kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan, MDEC juga sedang dalam perancangan untuk menubuhkan pejabat negeri di beberapa lokasi terpilih seperti di Kuching. Melalui kolaborasi bersama agensi seperti Sarawak *Digital Economy*

*Corporation* (SDEC), MDEC juga sedang merangka strategi untuk menyalurkan dan memastikan projek-projek pelaburan digital dari sektor terpilih seperti perkhidmatan perniagaan global (GBS), kandungan digital, pusat data dan perkhidmatan awan dilaksanakan di Sarawak.

Berkaitan promosi pelaburan pusat data, Kerajaan telah melaksanakan rancangan jangka panjang untuk infrastruktur digital Malaysia, bermula pada tahun 2010 dan diteruskan dengan RMKe-10, RMKe-11 dan RMKe-12. Pencapaian hari ini adalah hasil daripada rancangan ini dengan penambahbaikan dan pelarasan untuk menangani perubahan dalam ekosistem.

Bagi menarik pelaburan pusat data ke Sarawak, kerajaan negeri perlu memainkan peranan dengan menawarkan fasilitasi dan insentif kepada pelabur. Pada masa ini, pelabur pusat data akan bermula dengan lokasi yang mempunyai permintaan tertinggi seperti Lembah Klang kerana ia merupakan pusat aktiviti ekonomi terbesar di Malaysia, dan Johor kerana limpahan permintaan dari Singapura. Untuk meningkatkan daya tarikan lokasi pusat data baharu seperti Sarawak, terdapat keperluan menjana permintaan tempatan dan meningkatkan infrastruktur kesalinghubungan domestik dan antarabangsa. Kerajaan, melalui agensi seperti MDEC, sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk membangunkan strategi khusus bagi setiap negeri berdasarkan tawaran nilai yang unik dan selaras dengan aspirasi Malaysia Digital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI  
TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK PAUL IGAI** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah hasil kajian dan penyelidikan ke atas pembangunan vaksin COVID-19 tempatan yang telah bermula pada tahun 2021 dan adakah pengeluaran vaksin tempatan ini sudah bermula. Jika belum, bilakah vaksin ini akan dikeluarkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan vaksin manusia adalah kompleks, berisiko tinggi, dan mengambil masa kira-kira 10-15 tahun untuk dibangunkan serta memerlukan kos yang besar. Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) menyediakan ekosistem penemuan vaksin sehingga pembuatan vaksin dengan kerjasama antara kerajaan dan pihak industri.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, status pembangunan 2 calon vaksin COVID-19 yang sedang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan Malaysia bagi platform virus ternyahaktif (inactivated) dan platform mRNA, adalah pada peringkat kerja asas (*groundwork*). Bagi kajian yang melibatkan platform virus ternyahaktif (inactivated), dengan izin, masih di peringkat pra-klinikal yang mana jangkaan kajian ini untuk diselesaikan adalah pada Disember 2023.

Dari segi penghasilan calon vaksin mRNA pula, ia memerlukan proses penambahbaikan untuk memastikan vaksin mRNA dapat menjana protein yang secukupnya. Selain itu, penyelidikan cara penyampaian (*delivery*) vaksin mRNA iaitu menggunakan lipid nano partikel akan dilaksanakan pada tahun 2023. Dijangkakan calon vaksin mRNA akan menjalani kajian pra-klinikal (kajian ke atas haiwan) pada tahun 2024. Fasa klinikal akan bergantung kepada keputusan ujian-ujian kajian pra-klinikal.

## **NO SOALAN: 52**

Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua kajian ini adalah menggunakan peruntukan geran di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Sukuk Prihatin dalam lingkungan RM3.4 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN SERUANDI BIN SAAD**  
**TARIKH** : **29 MAC 2023**

**TUAN SERUANDI BIN SAAD** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian ada mempertimbangkan agar mewajibkan kilang pengeluar motosikal mereka bentuk tongkat motosikal (*side stand*) seperti skuter yang mempunyai ciri-ciri keselamatan agar dapat mengurangkan kemalangan akibat kealpaan dan kecuian penunggang motosikal.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan cadangan yang dikemukakan Yang Berhormat Senator untuk mewajibkan kilang pengeluar motosikal mereka bentuk tongkat motosikal (*side stand*) seperti skuter yang mempunyai ciri-ciri keselamatan agar dapat mengurangkan kemalangan melibatkan penunggang motosikal. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan dan JPJ akan menyusul cadangan tersebut dan akan mengadakan sesi-sesi perbincangan bersama pembuat kenderaan bagi meneliti kesesuaian untuk membangunkan satu standard pembinaan tongkat motosikal (*side stand*) yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN**  
**SAMY VELLU**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kali terakhir pihak Kementerian telah mengkaji semula silibus pendidikan negara dan sama ada silibus pendidikan negara terkini memenuhi tuntutan semasa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keperluan semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM masih mengekalkan kurikulum sedia ada pada tahun ini bagi semua peringkat persekolahan. KPM telah melaksanakan kajian dan libat urus bersama-sama pihak berkepentingan pada tahun 2022 dan dapatan menunjukkan bahawa kurikulum sedia ada masih relevan untuk digunakan dan memenuhi tuntutan semasa.

Dalam konteks penggubalan kurikulum, KPM sedang melaksanakan semakan semula kurikulum selepas kitaran kurikulum lengkap pusingannya penghasilan sesuatu kurikulum persekolahan memerlukan masa dan dilaksanakan dengan mematuhi prinsip dan prosedur yang telah ditetapkan. Prinsip pembangunan kurikulum yang diguna pakai oleh KPM bercorak kitaran yang mengandungi enam proses iaitu analisis keperluan, perancangan, pembangunan dan pengembangan, uji rintis/pelaksanaan terhad, penyebaran dan pelaksanaan, pengesanan dan penilaian.

KPM sedang merancang untuk menyediakan kurikulum baharu yang bersesuaian dengan keperluan masa hadapan berdasarkan analisis dapatan daripada kajian keperluan dan sesi libat urus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI**  
**TARIKH : 29 MAC 2023**

**DATUK PAUL IGAI** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan statistik jumlah warganegara yang menjadi Pendatang Tanpa Izin (PATI) di luar negara mengikut kategori negara.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR  
MENTERI LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia melalui Perwakilannya di seluruh dunia sentiasa bersedia memberi bantuan dan perkhidmatan konsular kepada rakyat Malaysia di luar negara.

3. Namun demikian, Kementerian Luar Negeri secara lazimnya tidak mempunyai statistik yang khusus berkenaan jumlah warganegara Malaysia yang menjadi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di luar negara. Antara puncanya adalah kerana individu yang menjadi PATI tidak berhasrat untuk berdaftar dengan Perwakilan Malaysia di luar negara supaya mengelakkan diri daripada dikesan oleh pihak berkuasa negara tuan rumah.

4. Kementerian ini ingin menasihatkan semua warganegara Malaysia di luar negara supaya sentiasa menghormati dan mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa di negara mereka bermastautin. Warganegara Malaysia di luar negara adalah digalakkan supaya mendaftarkan keberadaan mereka melalui portal e-Konsular atau aplikasi e-Konsular bagi membolehkan Perwakilan Malaysia yang berkenaan menghubungi dan menghulurkan bantuan dan perkhidmatan konsular dengan segera sekiranya berlakunya sebarang kecemasan.

5. Kementerian ini adalah komited bekerjasama dengan pihak berkuasa negara tuan rumah supaya memberi bantuan konsular yang sewajarnya bagi penghantaran pulang warganegara Malaysia dari luar negara ke tanah air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH  
SUFFIAN**  
**TARIKH** : **29 MAC 2023**

**TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan untuk meningkatkan pendedahan dari segi masa pembelajaran para pelajar sekolah kebangsaan dan sekolah menengah dalam STEM memandangkan nisbah peratusan mata pelajaran bukan STEM dalam aliran perdana masih tinggi berbanding dengan mata pelajaran STEM.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, STEM merujuk kepada bidang ilmu sains, teknologi, kejuruteraan/teknikal dan matematik. Pendidikan STEM melibatkan pembelajaran yang mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada pelbagai disiplin ilmu bidang STEM secara bersepadu. Pengintegrasian ini menjadikan STEM sebagai satu disiplin ilmu yang baharu, dalam konteks yang menghubungkan pengalaman yang diperolehi di sekolah dengan realiti kehidupan harian.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sentiasa berusaha meningkatkan pendedahan pendidikan STEM kepada semua murid. Pada peringkat sekolah rendah murid diberi peluang dan ruang untuk mendapat pendedahan dalam pendidikan STEM melalui mata pelajaran Sains, Matematik dan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT).

Pada peringkat menengah rendah, murid juga berpeluang untuk mendapat pendedahan pendidikan STEM melalui mata pelajaran dalam kelompok STEM seperti Sains, Matematik, Reka Bentuk dan Teknologi serta Asas Sains Komputer. Pada peringkat menengah atas, mata pelajaran STEM meliputi Sains dan Matematik, dan mata pelajaran elektif STEM seperti Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Sains Tambahan, Grafik Komunikasi Teknikal, Asas Kelestarian, Pertanian, Sains Rumah Tangga, Reka Cipta, Sains Komputer dan Sains Sukan bergantung kepada pakej mata pelajaran yang dipilih oleh murid.

Selain itu, pendidikan STEM juga diterapkan dalam mata pelajaran lain melalui elemen merentas kurikulum (EMK) Sains dan Teknologi serta EMK Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Melalui EMK Sains dan Teknologi dalam mata pelajaran lain, murid didedahkan kepada:

- i. pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- ii. kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- iii. sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- iv. penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

Melalui EMK TMK pula, Modul Kemahiran Asas TMK dan Modul Aplikasi TMK telah dibangunkan untuk kegunaan semua mata pelajaran. Modul ini boleh meningkatkan minat dan kompetensi murid dalam teknologi digital yang merupakan sebahagian daripada bidang STEM. Ini bermakna murid tetap didedahkan kepada pembelajaran dalam bidang STEM dengan mengaplikasikan teknologi digital. Kemahiran seperti pengekodan dan penggunaan perisian tertentu boleh digunakan apabila melaksanakan tugas sewaktu mempelajari mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Seni Visual yang bukan dalam bidang STEM.

KPM turut memperkenalkan pelbagai pendekatan berpusatkan murid, seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, projek, masalah dan interdisiplin untuk meningkatkan pendedahan tentang amalan professional STEM dan pengalaman autentik dalam kalangan murid. Antara program yang berasaskan pendekatan tersebut termasuklah Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE), Pembelajaran Matematik

## **NO SOALAN: 56**

Secara Inkuiri (IBME), Pendidikan Sains Komputer Menggunakan Pendekatan IBSE dan STEM Executive Consultation (STEMEC). Kelab STEM yang berasaskan pendekatan-pendekatan tersebut turut ditubuhkan di sekolah.

KPM yakin usaha yang diperkenalkan ini dapat meningkatkan pendedahan pendidikan STEM kepada semua murid.

Sekian, terima kasih.